Travel Guard Go

Dokumen Polisi

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)
Tingkat 23A, Mercu 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 2109 6000 Fax: 03 2109 6888 Call Centre 1 300 888 622

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jadual Manfaat		Jumlah Maksimum Yang Diinsuranskan (sehingga)			
		Pelan			
		Luar Negara			Domestik
		Asas	StAndard	Premium	
A	**Manfaat Berkaitan dengan Perubatan**[1]				
1	Perbelanjaan Perubatan *Penolakan sebanyak RM200 bagi tuntutan **Mabuk Gunung***	100,000	500,000	1,000,000	5,000
2	Perbelanjaan Perubatan di Malaysia Bilangan hari rawatan maksimum di Malaysia *Tertakluk kepada Had Perbelanjaan Perubatan di A1*	N/A N/A	50,000 30 hari	100,000 30 hari	N/A N/A
3	Pendapatan Hospital Harian (RM 250 bagi setiap hari penuh) *Tertakluk kepada Had Perbelanjaan Perubatan di A1*	5,000	7,000	8,000	N/A
4	Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Jenazah	1,000,000	5,000,000	10,000,000	N/A
5	Lawatan Ihsan	N/A	5,000	7,000	N/A
6	Perbelanjaan Pergigian di Luar Negara	Termasuk dalam A1, sehingga RM 500	Termasuk dalam A1, sehingga RM 1,000	Termasuk dalam A1, sehingga RM 2,000	N/A
B	**Manfaat Kemalangan Diri**				
1	Kematian Akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal (i) Umur 30 hari sehingga 17 tahun (ii) Umur 18 tahun sehingga 85 tahun	 25,000 100,000	 50,000 200,000	 75,000 300,000	 5,000 20,000
C	**Kesulitan Perjalanan & Manfaat Lain Berkaitan dengan Perjalanan**				
1	Pembatalan Perjalanan Setiap Individu Setiap Keluarga	 N/A N/A	 10,000 30,000	 20,000 60,000	 2,000 6,000
2	Pemendekan Perjalanan Setiap Individu Setiap Keluarga	 N/A N/A	 10,000 30,000	 20,000 60,000	 N/A N/A
3.1	Kelewatan Perjalanan <u>Pengangkutanan Awam</u> i. Luar Negara ii. Malaysia (RM 150 bagi Kelewatan setiap 6 jam berturut-turut)	 N/A N/A	 2,100 300	 3,600 450	 N/A 450 (Penerbangan Saja)
3.2	Terlepas Perjalanan Sambungan (RM200 bagi kelewatan setiap 6 jam berturut-turut)	N/A	200	600	N/A
4	Kelewatan Bagasi <u>Luar Negara</u> Setiap Individu Setiap Keluarga <u>Malaysia</u> Setiap Individu Setiap Keluarga (RM150 bagi kelewatan setiap 6 jam berturut-turut)	 N/A N/A N/A N/A	 1,000 3,000 200 600	 1,600 4,050 400 1,200	 N/A N/A (Penerbangan Saja) 200 600

5	Kerosakan atau Kehilangan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi <u>Kerosakan Bagasi</u> Setiap Bagasi <u>Kerosakan atau Kehilangan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi</u> Setiap Individu Setiap Keluarga (Had maksimum bagi mana-mana satu item ialah RM500) (Had maksimum bagi komputer riba ialah RM 1,000)	50 1,000 3,000 100 200	200 3,000 9,000 300 600	250 8,000 24,000 300 1000	N/A N/A N/A N/A N/A
6	Kehilangan Wang	N/A	2,000	3,000	N/A
7	Kehilangan Dokumen Perjalanan	N/A	2,000	3,000	N/A
8	Penipuan Penggunaan Kad Kredit	N/A	1,000	3,000	N/A
9	Caj Lebihan Sewa Kereta	N/A	2,000	3,000	N/A
D	**Penyelesaian Bantuan Perjalanan**				
1	Bantuan Perjalanan 24/7 di Seluruh Dunia	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
2	Doktor atau Pengamal Perubatan Sedia Panggil	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
3	Perkhidmatan Amaran Peristiwa Dunia	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
4	Cuaca Global	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
5	Perkhidmatan Kecemasan Perjalanan	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
6	Jurubahasa Kecemasan	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
7	Perkhidmatan Duta	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
8	Wang Tunai Global	Termasuk	Termasuk	Termasuk	N/A
E	**Perlindungan Covid-19**				
1	Pembatalan Perjalanan - Covid-19				
1.1	Pembatalan Perjalanan Akibat Covid-19				
	Setiap Individu	N/A	10,000	20,000	2,000
	Setiap Keluarga	N/A	30,000	60,000	6,000
1.2	Pemendekan Perjalanan Akibat Covid-19				
	Setiap Individu	N/A	10,000	20,000	N/A
	Setiap Keluarga	N/A	30,000	60,000	N/A
2	Perbelanjaan Perubatan Akibat Covid-19	100,000	500,000	1,000,000	5,000
3	Elaun Hospital Akibat Covid-19	5,000	7,000	8,000	N/A
	(RM150 setiap hari penuh)				
4	Kematian Akibat Covid-19	10,000	10,000	10,000	10,000
5	Pemindahan Perubatan Kecemasan Akibat Covid-19	250,000	500,000	500,000	N/A
F	**Manfaat Tambahan**				
1	Badal Haji (Hanya Untuk Orang Islam)	3,000	3,000	3,000	N/A
2	Wakaf (Hanya Untuk Orang Islam)	1,000	1,000	1,000	N/A
3	Korban (Hanya Untuk Orang Islam)	1,000	1,000	1,000	N/A
4	Wang Kecemasan (Hanya Untuk Orang Bukan Islam)	5,000	5,000	5,000	N/A

G	Manfaat Tambahan Pilihan				
1.	Peningkatan Manfaat Kelewatan Perjalanan (RM150 bagi setiap 3 jam berturut-turut) i. Luar Negara ii. Malaysia	 N/A N/A	 2,100 300	 3,600 450	 N/A N/A
2	Sukan Khas (a) Sukan Musim Sejuk (b) Selam Skuba	N/A	Termasuk	Termasuk	N/A

1. Berhubung dengan **Perjalanan Domestik,** manfaat ini hanya terpakai bagi **Kemalangan**.

Sekiranya **Anda** memilih perlindungan **Keluarga**, polisi ini melindungi **Anda**, **Pasangan** dan **Anak-anak Anda** yang melakukan **Perjalanan** bersama **Anda** utuk keseluruhan **Perjalanan** dengan jadual perjalanan yang sama.
Bagi perlindungan **Keluarga**, jumlah maksimum yang diinsuranskan secara keseluruhan untuk semua individu yang diinsuranskan di bawah polisi ini adalah 300% daripada had yang ditunjukkan dalam **Jadual Manfaat** bagi **Pelan** yang **Anda** pilih dan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual Polisi** yang dikeluarkan kepada **Anda**, kecuali bagi had "setiap keluarga" yang menunjukkan jumlah maksimum yang diinsuranskan, serta B-1: Manfaat **Kemalangan** Diri, E-4: Kematian Akibat Covid-19, F-1: Badal Haji (Hanya Untuk Orang Islam), F-2: Wakaf (Hanya Untuk Orang Islam), F-3: Korban (Hanya Untuk Orang Islam), dan F-4: Wang Kecemasan (Hanya Untuk Orang Bukan Islam) yang kekal sebagai had setiap individu.

Semua amaun yang ditunjukkan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM).

Bahagian 1: Kontrak

Polisi ini, bersama dengan **Jadual Polisi**, borang permohonan dan sebarang endorsan, merupakan bukti kontrak antara **Anda** sebagai pemegang polisi, dan jika dipilih, bagi pihak **Pasangan** atau **Keluarga Anda** seperti yang dinamakan dalam **Jadual Polisi**, dengan **Kami**. **Kami** bersetuju untuk menyediakan perlindungan insurans kepada **Anda** seperti yang dihuraikan dalam polisi ini, dengan syarat **Anda** membayar premium apabila tiba masanya, dan **Kami** bersetuju untuk menerimanya berdasarkan terma dan syarat polisi ini.

Bahagian 2: Definisi

Perkataan dan frasa berikut yang ditunjukkan dalam huruf tebal, apabila digunakan di mana-mana bahagian dalam polisi ini, mempunyai maksud khusus dan dijelaskan seperti di bawah.

Kemalangan / Secara Tidak Sengaja
merujuk kepada suatu kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan khusus, yang berlaku pada masa dan tempat yang dapat dikenal pasti, yang secara berasingan daripada sebarang sebab lain, merupakan satu-satunya punca **Kecederaan**.

AIDS
merujuk kepada *Acquired Immune Deficiency Syndrome* atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan jangkitan oleh *Human Immune Deficiency Virus* (HIV) (bagi tujuan polisi ini, takrifan **AIDS** adalah seperti yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987, atau mana-mana pindaan berikutnya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia terhadap takrifan tersebut; jangkitan akan dianggap telah berlaku apabila ujian darah atau ujian berkaitan lain menunjukkan, menurut pendapat **Kami**, sama ada kehadiran HIV atau antibodi terhadap virus tersebut)

Travel Guard ialah rakan niaga **Kami** yang menyediakan bantuan perkhidmatan perjalanan, perubatan dan tuntutan.

Pelan Perjalanan Tahunan
merujuk kepada suatu polisi bagi pelbagai **perjalanan** sepanjang tempoh tahunan dalam **Tempoh Insurans** sehingga:
(a) 90 hari berturut-turut bagi P**erjalanan ke Luar Negara**;
dikira dari masa berlepas sehingga tarikh pulang ke Malaysia.

Vaksin Yang Diluluskan
bermaksud dos vaksin Covid-19, yang telah diluluskan oleh National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) atau pihak berkuasa kesihatan tempatan, dan ditetapkan oleh **Doctor** di Malaysia dan ditadbir di mana-mana Hospital. Untuk mengelakkan keraguan, vaksinasi dilakukan di lokasi luar tapak di Malaysia, tetapi dengan preskripsi **Doctor**, juga diterima.

Pecah Rumah
merujuk kepada pencerobohan secara haram ke premis peribadi untuk mencuri, dan takrifannya adalah seperti yang ditetapkan dalam undang-undang Malaysia, yang dalam apa jua keadaan, merupakan jenayah yang diakui.

Caj Lebihan Sewa Kereta
merujuk kepada sebarang lebihan atau penolakan di bawah polisi insurans **Kenderaan Sewa** Anda yang **Anda** bertanggungjawab secara sah untuk membayar berhubung kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan terhadap **Kenderaan Sewa** semasa perjalanan **Anda**.

Insiden C.B.R.N.
merujuk kepada pelepasan, kebocoran, migrasi, pembebasan, kebocoran, pendedahan, letupan atau penyebaran bahan kimia, biologi, radioaktif atau nuklear, gas, bahan, bahan bakar, sisa atau pencemaran yang berbahaya, sama ada sebenar, didakwa atau diancam. Ini termasuk insiden yang disengajakan atau **tidak disengajakan**.

Penerbangan Sewaan
merujuk kepada pengangkutanan udara yang dianjurkan oleh ejen pelancongan bagi perjalanan di laluan tetap dan yang diterbitkan untuk tempoh 1 bulan atau lebih, dan diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa bagi pengangkutanan berjadual individu yang melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

Anak/Anak-anak
merujuk kepada anak tanggungan sah (termasuk anak tiri dan anak yang diambil secara sah) yang berusia 30 hari ke atas sehingga 18 tahun atau dua puluh lima (25) tahun jika mengikuti pengajian tinggi.

Pergolakan Sivil, Rusuhan atau Kekecohan
merujuk kepada perhimpunan orang ramai (teratur atau tidak teratur) yang mengganggu ketenteraman awam dengan kehadiran keganasan, ancaman keganasan, atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah untuk menyekat atau cuba menyekat perhimpunan tersebut.

Pengangkutan Awam
merujuk kepada mana-mana pengangkutan darat, air atau udara yang mengangkut penumpang yang membayar tambang, dan yang beroperasi di bawah lesen pengangkutanan yang sah serta mengikut jadual dan laluan tetap yang telah ditetapkan. Pengangkutanan Awam tidak termasuk teksi, helikopter, perkhidmatan limosin dan **Penerbangan Sewaan**.

Umur Kelayakan
umur yang layak bagi **Anda** untuk mendapatkan perlindungan di bawah polisi ini seperti yang dihuraikan di bawah:

(a) umur 30 hari hingga 85 tahun bagi **Pelan Setiap Perjalanan**; atau
(b) umur 18 hingga 70 tahun bagi **Pelan Perjalanan Tahunan**, dan boleh diperbaharui hingga umur 85 tahun.

Umur Minimum ditentukan berdasarkan umur **Anda** pada **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi**. Umur Maksimum ditentukan berdasarkan umur **Anda** pada tarikh tamat polisi.

Covid-19
bermaksud 2019 Novel Coronavirus atau lelaran berikutnya yang dinyatakan oleh World Health Organization (WHO).

Insiden Siber
merujuk kepada sebarang aktiviti, sama ada dibenarkan, tidak dibenarkan, disengajakan atau tidak disengajakan, yang menyasarkan atau memberi kesan kepada peranti, peralatan, fail, data, sistem, laman web, rangkaian atau pangkalan data milik satu atau lebih individu atau syarikat:
(a) dilakukan menggunakan akses Internet atau rangkaian melalui komputer atau peranti elektronik lain; dan/atau
(b) melalui cara fizikal termasuk, tetapi tidak terhad kepada, merosakkan atau mengubah sambungan rangkaian; memusnahkan secara fizikal peralatan pusat data atau pusat rangkaian; atau letupan pulsa elektromagnetik.

Tarikh Kerugian
ialah tarikh apabila **Anda** didiagnosis dengan **Hilang paya** buat pertama kali atau berlakunya sesuatu insiden yang membawa kepada tuntutan yang dilindungi oleh polisi ini.

Penolakan
merujuk kepada amaun perbelanjaan atau kerugian yang perlu dibayar oleh **Anda** sebelum manfaat polisi menjadi boleh dibayar.

Perbelanjaan Pergigian
merujuk kepada perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung dan dibayar kepada **Pengamal Pergigian** bagi rawatan

pergigian yang dijalankan oleh **Pengamal Pergigian** tersebut. Semua rawatan, termasuk rawatan pakar, mesti dipreskripsikan atau dirujuk oleh **Pengamal Pergigian** agar perbelanjaan tersebut boleh dibayar balik di bawah polisi ini, dengan syarat bayaran balik tersebut tidak melebihi kadar biasa bagi rawatan, perkhidmatan pergigian atau bekalan yang serupa di lokasi di mana perbelanjaan itu ditanggung dan dibayar sekiranya insurans ini tidak wujud.

Pengamal Pergigian
merujuk kepada seorang pengamal pergigian yang berdaftar dan mempunyai kelayakan yang sah, yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan dan bertindak dalam skop lesen dan latihan beliau. **Pengamal Pergigian** yang merawat bukanlah **Anda** sendiri, mana-mana ahli keluarga **Anda,** rakan kongsi perniagaan **Anda**, majikan, pekerja, atau **Rakan Perjalanan Anda**.

Hilang Upaya
merujuk kepada **Kecederaan** dan/atau **Penyakit**, termasuk sebarang komplikasi yang timbul, ditanggung atau berkaitan dengan **Kecederaan** atau **Penyakit** yang sama.

Doktor
merujuk kepada seorang pengamal perubatan yang masih berdaftar, dilesenkan dan berkelayakan untuk mengamalkan perubatan Barat kontemporari dalam bidang kepakaran di kawasan geografi dan bidang kuasa di mana perkhidmatan perubatan diberikan, dan disahkan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan dalam bidang kepakaran perubatan tersebut, dengan syarat pengamal perubatan tersebut:
(a) bukanlah **Anda** sendiri, rakan kongsi perniagaan **Anda** atau ejen **Kami**; dan
(b) tidak mempunyai hubungan dengan **Anda** dan/atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda**.

Perjalanan Domestik (terpakai bagi **Pelan** Domestik)
merujuk kepada perjalanan yang dilakukan oleh **Anda** sepanjang **Tempoh Insurans** bagi tujuan riadah dan/atau lawatan perniagaan yang merupakan **Pelan Setiap Perjalanan**, yang
(a) berlaku di Malaysia, termasuk perjalanan dari Semenanjung ke Malaysia Timur dan sebaliknya;
(b) melebihi 50 kilometer dari tempat tinggal atau penginapan **Anda**; dan
(c) tidak termasuk perjalanan harian ke dan dari tempat kerja atau tempat bertugas **Anda**.

Perlindungan bagi **Perjalanan Domestik** terdiri daripada:
(i) Pembatalan Perjalanan:
- **Pelan Setiap Perjalanan** - perlindungan akan bermula 24 jam selepas pembelian polisi, kecuali jika disebabkan oleh **Kemalangan**, maka perlindungan bermula dari tarikh pembelian polisi;
  dan perlindungan akan tamat apabila Anda bertolak dari tempat tinggal atau tempat kerja biasa **Anda** (mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu).

(ii) Perlindungan bagi Kelewatan Perjalanan akan bermula dalam 12 jam sebelum bertolak dari tempat tinggal atau tempat kerja biasa **Anda** (mengikut mana-mana yang berlaku kemudian), dan akan tamat apabila **Anda** pulang ke tempat tinggal atau tempat kerja biasa **Anda** (mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu).
(iii) Bagi manfaat yang tidak dinyatakan di bawah item (i) & (ii) di atas, perlindungan polisi **Anda** akan bermula apabila Anda bertolak dari tempat tinggal atau tempat kerja biasa (mengikut mana-mana yang berlaku lebih lambat), dan akan tamat apabila Anda pulang ke tempat tinggal atau tempat kerja **Anda**, atau selepas tamat polisi (mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu).

Sila ambil perhatian bahawa terma dan syarat yang dinyatakan dalam Bahagian 3: Manfaat terpakai bagi semua manfaat, dan tiada perlindungan akan diberikan di luar **Tempoh Insurans.**

Tarikh Berkuat Kuasa
merujuk kepada tarikh perlindungan insurans ini bermula seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual Polisi**, mengikut kes yang berkenaan.

Kejadian Elektromagnet
merujuk kepada gangguan pada peranti elektronik, rangkaian elektrik atau penghantaran elektrik yang disebabkan oleh pulsa elektromagnet (E.M.P.). Ini termasuk kejadian semula jadi (termasuk tetapi tidak terhad kepada letusan suria dan ribut geomagnetik) serta kejadian buatan manusia (termasuk tetapi tidak terhad kepada E.M.P. nuklear dan Peranti Gangguan Elektromagnet).

Ekspedisi
merujuk kepada sebarang perjalanan ke lokasi yang terpencil, berisiko tinggi, sukar diakses dan/atau tidak mesra, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti berkayak yang dianjurkan secara persendirian di sekitar pantai sesebuah negara, atau perjalanan ke bahagian pedalaman negara yang secara amnya sukar diakses atau kawasan yang sebelum ini belum diteroka atau belum dipetakan, atau perjalanan yang dilakukan untuk penyelidikan saintifik atau tujuan politik ke lokasi sedemikian, atau perjalanan ke Antartika atau lokasi terpencil dan tidak mesra lain yang serupa. Ini tidak merangkumi laluan mendaki dan perjalanan, di luar contoh yang diberikan di atas, yang disediakan oleh penganjur pelancongan yang diiktiraf, yang boleh diakses oleh orang ramai tanpa sekatan (selain amaran kesihatan atau kecergasan umum), selagi **Anda** bertindak di bawah panduan dan pengawasan jurupandu dan/atau pengajar yang berkelayakan daripada penganjur pelancongan tersebut.

Sukan dan Aktiviti Ekstrem
merujuk kepada sebarang sukan atau aktiviti sukan yang menyediakan tahap bahaya yang tinggi secara semula jadi (iaitu melibatkan tahap

kepakaran yang tinggi, usaha fizikal yang luar biasa, peralatan atau aksi yang sangat khusus), termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti berselancar di ombak besar, berkayak menuruni jeram, melompat dari tebing, melompat berkuda, ultra maraton dan melakukan aksi berbahaya menunggang motosikal. Ini tidak merangkumi aktiviti pelancongan biasa yang boleh diakses oleh orang ramai tanpa sekatan (selain amaran ketinggian atau kesihatan dan kecergasan umum) dan disediakan oleh penganjur pelancongan tempatan yang diiktiraf, selagi **Anda** bertindak di bawah panduan dan pengawasan jurupandu dan/atau pengajar yang berkelayakan daripada penganjur tersebut semasa melaksanakan aktiviti pelancongan tersebut.

Keluarga
merujuk kepada **Pasangan** sah Anda dan **Anak-anak Anda**.

Kegagalan Kewangan
merujuk kepada ketidakmampuan membayar hutang, ketidakmampuan sementara, kebankrapan, pelantikan likuidator atau likuidator sementara, likuidasi, penyusunan semula atau penyelesaian dengan pemiutang.

Peralatan Golf
merujuk kepada peralatan yang berkaitan dengan golf yang biasanya digunakan untuk bermain golf, termasuk kelab golf, kasut golf, beg golf, kereta caddie dan aksesori golf lain.

Hospital
merujuk kepada sebuah penubuhan yang sah, berdaftar dan beroperasi sebagai **Hospital** untuk penjagaan dan rawatan pesakit yang sakit atau cedera sebagai pesakit dalam berbayar, yang mempunyai:
(a) kemudahan untuk diagnosis dan **Pembedahan** utama;
(b) menyediakan perkhidmatan jururawat 24 jam oleh jururawat graduan;
(c) berada di bawah pengawasan seorang **Doktor**; dan
(d) bukannya sesebuah klinik, tempat bagi penagih alkohol atau penagih dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau pemulihan, rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

Penyakit
merujuk kepada keadaan fizikal yang ditAndai oleh penyimpangan patologi daripada keadaan kesihatan normal.

Ahli Keluarga Terdekat
merujuk kepada **Pasangan, Anak, Ibu Bapa** dan adik-beradik mereka, ibu/bapa mentua, datuk/nenek, datuk/nenek mentua, cucu, adik-beradik, ipar, anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki**.**

Insiden Impak
merujuk kepada impak di bumi daripada objek yang memasuki atmosfera bumi dari luar, contohnya meteorit, asteroid atau serpihan angkasa buatan manusia

Kecederaan
merujuk kepada Kecederaan badan yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh **Kemalangan** dan bukannya berpunca daripada **Penyakit** (termasuk keracunan makanan).

Barang kemas
merujuk kepada benda yang dipakai pada badan sebagai hiasan yang mengandungi logam berharga, batu permata dan/atau batu semi-permata.

Komputer Riba
merujuk kepada **Komputer Riba** lengkap termasuk aksesori dan/atau alat tambahan yang disertakan sebagai peralatan stAndard bersama **komputer riba** tersebut. Sebarang komputer genggam, komputer tablet atau peranti lain termasuk tetapi tidak terhad kepada penolong digital peribadi (PDA) dan seumpamanya tidak termasuk dalam kategori ini.

Anggota Badan
merujuk kepada tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki pada atau di atas buku lali.

Hilang Pendengaran
merujuk kepada hilang pendengaran **kekal** yang tidak boleh dipulihkan, di mana:
Jika a dB = Hilang pendengaran pada 500 Hertz
Jika b dB = Hilang pendengaran pada 1000 Hertz
Jika c dB = Hilang pendengaran pada 2000 Hertz
Jika d dB = Hilang pendengaran pada 4000 Hertz
Maka 1/6 daripada (a+2b+2c+d) ialah 80dB

Hilang Upaya Pertuturan
merujuk kepada **Ketidakupayaan Kekal** untuk melafazkan mana-mana 3 daripada 4 bunyi yang menyumbang kepada pertuturan (iaitu

bunyi Labial, bunyi Alveololabial, bunyi Palatal dan bunyi Velar) atau kehilangan sepenuhnya kord vokal atau kerosakan pada pusat pertuturan di otak yang mengakibatkan afasia.

Hilang Penggunaan
merujuk kepada hilang penggunaan penuh dan **Kekal** atau hilang penuh dan **Kekal** akibat pemisahan fizikal.

Perubatan yang Diperlukan
merujuk kepada perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh **Doktor** yang:
(a) selaras dengan diagnosis dan merupakan rawatan perubatan biasa bagi **Hilang Upaya** yang dilindungi;
(b) mengikut stAndard amalan perubatan yang baik, selaras dengan stAndard rawatan perubatan profesional semasa dan memberi manfaat perubatan yang terbukti
(c) bukan untuk keselesaan Anda atau doktor dan tidak boleh diberikan di luar hospital (jika masuk wad sebagai pesakit dalam)
(d) bukan bersifat eksperimen, penyelidikan, pencegahan atau saringan; dan
(e) yuran adalah wajar, biasa dan tidak melebihi tahap yuran umum yang dikenakan oleh pihak lain dengan kedudukan setara di lokasi yuran dikenakan, apabila memberikan rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang serupa kepada individu yang sama jantina dan dalam lingkungan umur yang setara untuk hilang upaya yang sama, mengikut stAndard dan amalan perubatan yang diterima, yang tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan hilang upaya Anda.

Mabuk Gunung
merujuk kepada perubahan fisiologi dan kesan patologi yang disebabkan oleh pendedahan akut kepada tekanan separa oksigen yang rendah di altitud tinggi, yang mengakibatkan **Penyakit** altitud tinggi.

Perjalanan ke Luar Negara (tidak terpakai bagi Pelan Domestik)
merujuk kepada perjalanan yang dilakukan oleh **Anda** dalam **Tempoh Insurans** bagi tujuan riadah dan/atau lawatan perniagaan yang:
(a) merupakan pelan setiap perjalanan atau pelan perjalanan tahunan;
(b) di luar Malaysia; dan
(c) dalam wilayah yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Perlindungan bagi **Perjalanan ke Luar Negara** merangkumi:

(i) Pembatalan Perjalanan:
- **Pelan Setiap Perjalanan** - perlindungan bermula selepas 24 jam dari tarikh pembelian polisi, kecuali jika disebabkan oleh kemalangan, maka perlindungan bermula dari tarikh pembelian polisi;
- **Pelan Perjalanan Tahunan** - perlindungan bermula selepas 24 jam dari tarikh pembelian polisi atau selepas perjalanan ditempah (mengikut mana-mana yang berlaku kemudian), kecuali jika disebabkan oleh **Kemalangan**, maka perlindungan bermula dari tarikh tempahan perjalanan;

dan perlindungan tersebut tamat apabila Anda berlepas dari Malaysia.

(ii) Perlindungan berhubung dengan manfaat berikut:
- Kelewatan Perjalanan; dan
- Kematian Akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya **Kekal**;

- akan bermula dalam tempoh 12 jam sebelum **Anda** berlepas dari Malaysia; dan
- kecuali bagi Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal**, perlindungan akan tamat apabila **Anda** tiba di Malaysia atau tarikh tamat polisi, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu. Perlindungan berhubung dengan manfaat bagi Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal** akan tamat 12 jam selepas ketibaan **Anda** di Malaysia atau pada tarikh tamat polisi, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

(iii) Bagi manfaat yang tidak dinyatakan di bawah perkara (i) & (ii) di atas, perlindungan polisi **Anda** akan bermula:
a. selepas **Anda** berlepas dari Malaysia; dan
b. kecuali bagi Manfaat Rawatan Perubatan di Malaysia, perlindungan akan tamat apabila **Anda** tiba di Malaysia atau pada tarikh tamat polisi, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu. Manfaat Rawatan Perubatan di Malaysia akan tamat 24 jam selepas ketibaan **Anda** di Malaysia atau pada tarikh tamat polisi, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

Tiada perlindungan disediakan di luar **Tempoh Insurans**, kecuali seperti yang dinyatakan di atas bagi manfaat Kematian akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal** serta Manfaat Rawatan Perubatan di Malaysia.

Ibu/Bapa
merujuk kepada **Ibu/Bapa** sah **Anda** (sama ada ibu bapa kandung, tiri atau angkat).

Tempoh Insurans
merujuk kepada tempoh polisi seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Kekal
merujuk kepada sesuatu kejadian yang, pada akhir tempoh 6 bulan dari **Tarikh Kerugian** dan pada tamat tempoh tersebut, tidak lagi mempunyai sebarang harapan untuk pulih atau bertambah baik.

Pelan Setiap Perjalanan
merujuk kepada polisi bagi satu **Perjalanan** pergi balik dalam **Tempoh Insurans** sehingga:
(a) 180 hari berturut-turut bagi **Perjalanan ke Luar Negara**; atau
(b) 30 hari berturut-turut bagi **Perjalanan Domestik**;
dikira dari waktu berlepas sehingga tarikh pulang ke Malaysia.

Bagi perjalanan sehala, perlindungan akan tamat 5 hari selepas ketibaan **Anda** di stesen atau terminal **Pengangkutan Awam**.

Pelan
merujuk kepada pilihan **Pelan** Asas, StAndard, Premium atau Domestik seperti yang dipilih oleh **Anda** atau wakil **Anda**, **Ahli Keluarga** atau **Pasangan**, sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Jadual Polisi
merujuk kepada sesuatu dokumen yang dikeluarkan kepada **Anda** dan berfungsi sebagai bukti bertulis perlindungan insurans bagi **Anda**.

Kuarantin
merujuk kepada sekatan pergerakan atau perjalanan yang dikenakan oleh badan kerajaan rasmi di peringkat kebangsaan atau tempatan, atau pihak berkuasa kesihatan, bagi melambatkan atau mencegah penularan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan wabak atau pandemik.

Wilayah
merujuk kepada mana-mana satu daripada perkara berikut seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**:

	Destinasi
Kluster 1	• China (tidak termasuk Tibet), Hong Kong, Indonesia, Jepun, Macau, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Vietnam; • Tidak termasuk Mongolia (Dalam dan Luar)
Kluster 2	• Brunei, Kemboja, India, Republik Demokratik Rakyat Laos, Republik Divehi, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina dan Sri Lanka; • Termasuk semua negara dalam Kluster 1
Kluster 3	• Australia, Mauritius, Mongolia (Dalam dan Luar), Nauru dan Uzbekistan; • Eropah (tidak termasuk Serbia); • Timur Tengah (tidak termasuk Iraq, Palestin dan Yaman) • Termasuk semua negara dalam Kluster 1 dan Kluster 2
Kluster 4	• Seluruh dunia (kecuali negara yang disekat dan negara dalam peperangan); • Termasuk semua negara yang disenaraikan dalam semua kluster lain
Negara yang Disekat	• Cuba, Iran, Korea Utara, Syria, dan sebahagian wilayah Ukraine (termasuk Crimea, Sevastopol, Kherson, Zaporizhzhia, Republik Rakyat Donetsk (DNR) dan wilayah Republik Rakyat Luhansk (LNR) di Ukraine), Persekutuan Rusia dan Republik Belarus
Domestik	• Malaysia, lebih daripada 50 kilometer dari tempat kediaman atau tempat kerja Anda

Kenderaan Sewa
merujuk kepada kenderaan bermotor yang disewa oleh **Anda** daripada agensi penyewaan kereta yang berlesen untuk pengangkutanan bagi penumpang yang tidak dikenakan tambang dan tidak termasuk:
(a) mana-mana kenderaan yang direka untuk pengangkutanan barangan komersial;
(b) mana-mana kenderaan yang dikategorikan sebagai karavan, motorhome atau mana-mana kenderaan lain yang digunakan untuk tujuan penginapan dan pengangkutanan;
(c) kenderaan yang dikategorikan sebagai kenderaan bermotor bukan pengangkutan penumpang termasuk tetapi tidak terhad kepada motosikal, kereta lumba, kenderaan air dan sebarang jenis pesawat.

Jadual Manfaat
merujuk kepada manfaat yang disediakan di bawah perlindungan insurans ini.

Penyakit Serius atau Kecederaan Serius merujuk kepada:
(a) bagi **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda**, keadaan yang memerlukan rawatan daripada seseorang **Doktor** atau **Pengamal Perubatan** yang mengesahkan bahawa akibat langsung daripada keadaan ini, **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda** memerlukan perhatian perubatan segera dan tidak layak untuk memulakan **Perjalanan** atau meneruskan **Perjalanan** asal **Anda**.

(b) bagi mana-mana individu lain yang dilindungi oleh insurans ini, keadaan yang memerlukan individu tersebut dimasukkan ke hospital dan **Doktor** atau **Pengamal Perubatan** yang merawat individu tersebut mengesahkan bahawa nyawa mereka berada dalam bahaya segera yang memerlukan kehadiran **Anda** dengan segera.

Pasangan
merujuk kepada seseorang yang berkahwin dengan **Anda** secara sah di sisi undang-undang.

Mogok
merujuk kepada pemberhentian kerja yang disebabkan oleh tindakan kolektif yang dijalankan oleh sekumpulan pekerja atau kakitangan yang sengaja enggan melaksanakan kerja, biasanya sebagai tindak balas terhadap aduan pekerja, di mana pihak berkuasa yang berkaitan mungkin hadir untuk mencegah tindakan ganas.

Pembedahan
merujuk kepada mana-mana prosedur perubatan berikut:
(a) memotong, membuang atau menggunakan elektrokauteri pada mana-mana organ atau bahagian badan, tidak termasuk perkhidmatan pergigian;
(b) membaiki, menyemak semula, atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan;
(c) merawat dengan memanipulasi patah tulang atau sendi yang terkehel; atau
(d) penggunaan endoskop untuk mengeluarkan batu atau objek daripada larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

Insiden Pengganas
merujuk kepada sebarang penggunaan kuasa atau keganasan yang sebenar atau diancam yang ditujukan kepada atau menyebabkan kerosakan, **Kecederaan**, bahaya, gangguan atau pelaksanaan perbuatan berbahaya terhadap nyawa manusia atau harta benda, ke atas mana-mana individu, harta atau kerajaan, dengan tujuan yang dinyatakan atau tidak dinyatakan untuk mengejar kepentingan ekonomi, etnik, kebangsaan, politik, kaum atau agama, sama ada kepentingan tersebut diisytiharkan atau tidak, yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan/atau kerajaan negara destinasi **Anda** sebagai perbuatan keganasan. Rompakan atau perbuatan jenayah lain yang dilakukan terutamanya untuk keuntungan peribadi dan perbuatan yang timbul terutamanya daripada hubungan peribadi terdahulu antara pelaku dan mangsa tidak dianggap sebagai insiden pengganas.

Kecurian
merujuk kepada kehilangan **Kekal** barangan milik Anda:
(a) di mana terdapat bukti fizikal tentang pecah masuk ke premis (jika berkenaan);
(b) di mana barangan Anda diambil atau cubaan ambil dengan kekerasan melalui tindakan yang menyebabkan atau cubaan yang menyebabkan kematian, Kecederaan, sekatan salah atau ketakutan terhadap perkara tersebut;
(c) di mana barangan diambil dengan kekerasan di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang ramai. Tindakan merampas secara paksa sedemikian mesti melibatkan unsur licik dan mengejutkan;
(d) di mana barangan diambil dari poket, beg atau dompet di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang ramai, tindakan sedemikian mesti melibatkan unsur licik; atau
(e) merujuk kepada kehilangan kekal barangan di mana barangan diambil tanpa persetujuan **Anda** dengan niat untuk secara kekal merampas hak milik **Anda**.

Rakan Perjalanan
merujuk kepada satu-satunya Rakan Perjalanan Anda (yang **Perjalanan Anda** bergantung kepadanya) yang mempunyai tempahan perjalanan untuk menemani **Anda** sepanjang **Perjalanan**, dan bukan **Ahli keluarga Terdekat Anda**.

Perjalanan
merujuk kepada perjalanan **Domestik** atau ke **Luar Negara** bagi tujuan riadah dan/atau lawatan perniagaan dalam **Tempoh Insurans**.

Anda
merujuk kepada individu yang mencapai **Umur Kelayakan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, iaitu individu yang memiliki polisi ini, dipilih, termasuk **Pasangan Anda** atau **Keluarga Anda** yang mana **Anda** telah membayar premium yang berkenaan.

Anda mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, atau pemegang permit kerja atau pas pekerjaan yang sah (di mana tempat kerja **Anda** mesti berada di Malaysia sepanjang tempoh polisi), pas tanggungan, pas pelajar atau pas lawatan sosial jangka panjang, tidak termasuk visa perjalanan (yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan di Malaysia) dengan hak penuh untuk memasuki dan pulang ke Malaysia tanpa mengira status kesihatan. Pengaturan praperjalanan **Anda** hendaklah dibuat dan dibayar di Malaysia dan **Perjalanan Anda** hendaklah bermula di Malaysia.

Kami
merujuk kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad (Zurich) (201701035345 (1249516-V))

Bahagian 3: Manfaat

Kami akan membayar manfaat yang diterangkan di bawah sekiranya berlaku kerugian dalam **Tempoh Insurans**. **Kami** akan membayar had yang bersesuaian dengan **Pelan** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti yang tercatat dalam **Jadual Polisi**.

A) Perbelanjaan Berkaitan dengan Perubatan

1. **Perbelanjaan Perubatan**

Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perubatan yang Diperlukan**, yang ditanggung dalam tempoh 52 minggu dari **Tarikh Kerugian** sehingga had jumlah maksimum yang dinyatakan dalam A-1: Perbelanjaan Perubatan dalam **Jadual Manfaat**, tertakluk kepada **Penolakan** bagi tuntutan **Mabuk Gunung** seperti yang dinyatakan.

Semua pengaturan untuk kemasukan ke **Hospital** hendaklah dilakukan melalui **Travel Guard** kecuali jika pengaturan tersebut berada di luar kawalan **Anda** dan dianggap munasabah oleh **Kami**.

Bagi **Perjalanan ke Luar Negara**, tiada perlindungan disediakan untuk sebarang perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia, kecuali sebagaimana yang dinyatakan di bawah A-2: Perbelanjaan Perubatan di Malaysia.

Bagi **Perjalanan Domestik**, manfaat ini hanya terpakai bagi **Kemalangan**; Kami akan membayar balik perbelanjaan **Perubatan yang Diperlukan**, yang ditanggung dalam tempoh 30 hari dari **Tarikh Kerugian**.

2. **Perbelanjaan Perubatan di Malaysia**

Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan ke Luar Negara** dan kemudian mendapatkan rawatan susulan di Malaysia, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perubatan yang Diperlukan**:

(a) and yang ditanggung dalam tempoh 30 hari selepas ketibaan di Malaysia; dan
(b) jika tiada rawatan dijalankan semasa di luar negara, rawatan hendaklah dijalankan dalam tempoh 24 jam dari masa ketibaan di Malaysia;

sehingga bilangan hari atau jumlah maksimum yang diinsuranskan yang dinyatakan dalam A-2: Perbelanjaan Perubatan di Malaysia, dalam **Jadual Manfaat**, tertakluk kepada jumlah maksimum yang diinsuranskan perbelanjaan perubatan yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam A-1: Perbelanjaan Perubatan, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

Bagi tujuan A-1 dan A-2 di atas, perbelanjaan perubatan termasuk: penginapan dan makanan di **Hospital** (bilik separa persendirian dan unit rawatan rapi), penjagaan jururawat semasa kemasukan ke hospital, ubat-ubatan, bekalan **Hospital**, pemeriksaan dan ujian makmal, fisioterapi, **Pembedahan**, anestesia, bilik pembedahan, rundingan, ujian diagnostik, bayaran perkhidmatan ambulans, caj laporan perubatan, pendaftaran hospital, caj pentadbiran dan cukai bagi item yang dinyatakan.

Sekiranya berlaku kemasukan ke hospital untuk A-1 dan A-2, **Travel Guard** akan, jika dibenarkan, membuat bayaran pendahuluan terus kepada **Hospital**.

3. **Pendapatan Hospital Harian**

Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan ke Luar Negara** yang memerlukan kemasukan ke sesebuah **Hospital** di luar negara sebagai pesakit dalam dan kemasukan ke **Hospital** tersebut merupakan **Perubatan yang Diperlukan**, **Kami** akan membayar secara harian bagi kemasukan ke **hospital** sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam A-3: Pendapatan Hospital Harian, mengikut had jumlah maksimum perbelanjaan perubatan yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam A-1: Perbelanjaan Perubatan.

4. **Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Jenazah**
Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan** dan ia dianggap wajar serta perlu oleh **Kami**, **Travel Guard** akan:
(a) mengangkut **Anda** ke kemudahan perubatan yang dianggap sesuai untuk rawatan **Perubatan yang Diperlukan**; dan/atau
(b) mengangkut **Anda** ke Malaysia

dengan menggunakan pengangkutanan yang dianggap paling sesuai sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam A-4: Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Jenazah, mengikut **Jadual Manfaat**.

Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan** dan akibatnya meninggal dunia, **Travel Guard** akan menguruskan penghantaran balik jenazah **Anda** ke tempat kediaman **Anda** di Malaysia. **Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang munasabah dan perlu yang ditanggung di luar negara atau di dalam Malaysia (hanya untuk **Perjalanan Domestik**) untuk perkhidmatan dan bekalan yang disediakan oleh pengurus jenazah, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos kerAnda asas, pengawetan dan pembakaran jenazah, sekiranya dipilih. Ini tidak termasuk perbelanjaan berkaitan dengan upacara atau ritual keagamaan.

Semua pengaturan untuk pemindahan dan penghantaran balik jenazah hendaklah dilakukan melalui **Travel Guard** kecuali sekiranya pengaturan tersebut adalah di luar kawalan **Anda** dan dianggap munasabah oleh **Kami**.

Bagi pengaturan yang dilakukan oleh **Anda** sendiri, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang munasabah dan perlu kepada **Anda** sebanyak jumlah yang sepatutnya ditanggung sekiranya **Travel Guard** yang membuat pengaturan tersebut.

5. **Lawatan Ihsan**
Sekiranya **Anda** meninggal dunia atau mengalami **Hilang Upaya** semasa dalam sesuatu **Perjalanan ke Luar Negara**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan tambahan yang munasabah dan perlu yang ditanggung oleh 1 individu bagi penginapan, komunikasi, perjalanan dan makanan sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam A-5: Lawatan Ihsan dalam **Jadual Manfaat**;
(a) untuk menjaga **Anda** semasa **Anda** dimasukkan ke sesebuah **Hospital** di luar negara sebagai pesakit dalam selama lebih daripada 5 hari berturut-turut dan kemasukan ke **Hospital** tersebut merupakan **Perubatan yang Diperlukan**; atau
(b) untuk memberi bantuan dalam proses penghantaran balik jenazah **Anda** serta pengebumian atau pembakaran jenazah di lokasi kematian **Anda**.

Bagi tujuan A-5 di atas, sekiranya **Anda** telah membeli:
i) satu **Pelan Setiap Perjalanan**, **Anda** hanya layak untuk mendapat 1 bayaran balik bagi 1 **Perjalanan** pergi balik dalam **Tempoh Insurans**; atau
ii) satu **Pelan Tahunan**, **Anda** hanya layak untuk mendapat 1 bayaran balik bagi setiap **Perjalanan** yang dimulakan sepanjang tempoh tahunan dalam **tempoh insurans**.

6. **Perbelanjaan Pergigian di Luar Negara**
Kami akan membayar balik kepada **Anda** semua **Perbelanjaan Pergigian di Luar Negara** yang munasabah dan perlu, yang ditanggung dan dibayar berikutan sesuatu **Kecederaan** pada gigi yang sihat dan semula jadi akibat sesuatu **Kemalangan** yang berlaku semasa **Perjalanan Anda**.

Sekiranya **Anda** layak menerima bayaran bagi keseluruhan atau sebahagian daripada **Perbelanjaan Pergigian** tersebut daripada mana-mana sumber lain, **Kami** akan membayar perbezaan antara jumlah perbelanjaan sebenar yang ditanggung dan jumlah yang telah dibayar oleh sumber lain.

Penting:
Had bayaran di bawah A-6 adalah sebahagian daripada, dan bukan tambahan kepada, jumlah maksimum yang diinsuranskan A-1.

B) Manfaat Kemalangan Diri

1. Kematian Akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya **Kekal**
Sekiranya **Anda** terlibat dalam sesuatu **Kemalangan** semasa dalam sesuatu **Perjalanan** dan akibatnya meninggal dunia atau mengalami **Hilang Upaya** seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan di bawah, yang berlaku dalam tempoh 1 tahun dari **Tarikh Kerugian**, **Kami** akan membayar pampasan berdasarkan peratusan yang sepadan dengan kerugian tersebut seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan di bawah, didarabkan dengan jumlah diinsuranskan di bawah B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya **Kekal**, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Jadual Pampasan

Kejadian	Syarat-syarat	% daripada jumlah diinsuranskan

	Kecederaan yang mengakibatkan:	
1.	Kematian akibat **Kemalangan**	100%
	Hilang upaya **Kekal**	
2.	Hilang upaya **Kekal** menyeluruh ialah keadaan di mana **Anda** kekal tidak berupaya untuk melakukan 3 daripada aktiviti kehidupan harian seperti berikut: a) berpakaian merujuk kepada keupayaan untuk memakai, menanggalkan, mengancing dan membuka semua pakaian dan, jika berkenaan, sebarang pendakap, anggota tiruan atau peralatan pembedahan atau perubatan lain; b) pemakanan merujuk kepada keupayaan untuk menyuap diri sendiri dengan makanan selepas makanan tersebut disediakan dan tersedia untuk dimakan; c) pergerakan merujuk kepada keupayaan untuk bergerak di dalam bangunan dari satu bilik ke bilik yang lain di atas permukaan yang rata; d) penggunaan tAndas merujuk kepada keupayaan untuk menggunakan tAndas atau menguruskan fungsi usus dan pundi kencing melalui penggunaan pakaian pelindung atau peralatan pembedahan, jika berkenaan; e) pemindahan merujuk kepada keupayaan untuk berpindah dari katil ke kerusi yang tegak atau kerusi roda dan sebaliknya; atau f) pencucian merujuk kepada keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tab mandi, pancuran mandi atau mencuci dengan cara lain.	100%
3.	**Hilang penggunaan Kekal** pada dua atau lebih **Anggota**	100%
4.	**Hilang penggunaan Kekal** pada satu **Anggota**	100%
5.	Hilang penglihatan penuh dan **Kekal** pada kedua-dua mata	100%
6.	Hilang penglihatan penuh dan **Kekal** pada satu mata	100%
7.	Hilang kanta **Kekal** satu mata	50%
8.	**Hilang Pendengaran** dan **Upaya Pertuturan Kekal**	100%
9.	**Hilang Pendengaran Kekal** pada kedua-dua telinga	75%
10.	**Hilang Pendengaran Kekal** pada satu telinga	25%
11.	**Hilang Upaya Pertuturan Kekal**	50%

Had Pampasan**:**

(i) apabila lebih daripada satu (1) bentuk hilang upaya **Kekal** berlaku akibat satu (1) **Kemalangan**, peratusan akan dijumlahkan, tetapi **Kami** tidak akan membayar lebih daripada 100% daripada jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal**, dalam **Jadual Manfaat**.

(ii) jumlah yang boleh dibayar kepada Anda dalam 1 tahun polisi bagi **Pelan Perjalanan Tahunan** adalah terhad kepada 100% daripada jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal**, dalam **Jadual Manfaat**. Perlindungan bagi **Anda** akan tamat setelah bayaran 100% daripada jumlah tersebut dibuat.

(iii) sekiranya tuntutan dibayar bagi kehilangan atau **Hilang Penggunaan** keseluruhan bahagian badan, tuntutan bagi mana-mana komponen tidak boleh dibuat.

(iv) Anda akan dianggap meninggal dunia bagi tujuan polisi ini sekiranya jenazah **Anda** tidak dijumpai dalam tempoh 1 tahun akibat karam atau kerosakan **Pengangkutan Awam** di mana **Anda** merupakan penumpang berbayar dan berada di atasnya ketika kemalangan berlaku.

(v) sebarang bayaran yang dibuat akibat kehilangan akan dituntut semula oleh **Kami** daripada **Anda** sekiranya **Kami** dimaklumkan bahawa **Anda** masih hidup, bagi tuntutan yang dibuat berhubung dengan manfaat ini.

(vi) bagi perlindungan **Keluarga**, tanggungan Kami bagi kanak-kanak adalah terhad kepada 25% daripada jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal**, dalam **Jadual Manfaat**.

(vii) bagi polisi yang dibeli atas hayat seseorang yang berusia bawah 18 tahun, tanggungan **Kami** adalah terhad kepada 25% daripada jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** & Hilang Upaya **Kekal**, dalam **Jadual Manfaat**.

C) Kesulitan Perjalanan & Manfaat Lain Berkaitan dengan Perjalanan

1. **Pembatalan Perjalanan**

Sekiranya **Anda** dihalang daripada memulakan **Perjalanan** akibat:

(a) sesuatu **Hilang Upaya** yang mengakibatkan:
   (i) kematian;
   (ii) hilang upaya penuh dan **Kekal**; atau
   (iii) kemasukan ke sesebuah **Hospital** sebagai pesakit dalam di mana kemasukan tersebut merupakan **Perubatan yang Diperlukan**;
   (iv) sesuatu **Penyakit** serius atau **Kecederaan** serius

yang berlaku kepada **Anda**, **Ahli Keluarga Terdekat Anda** atau **Rakan Perjalanan** dalam tempoh 60 hari sebelum tarikh berlepas asal dari Malaysia seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

(b) sesuatu kebakaran atau bencana alam yang mengakibatkan kerosakan serius ke atas tempat kediaman **Anda** di Malaysia;
(c) **Pergolakan Sivil, Rusuhan atau Kekecohan** yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan berjadual bagi pengangkutanan yang dilindungi;
(d) sesuatu **Insiden Pengganas** di bAndar yang disenaraikan dalam jadual perjalanan **Anda**, tetapi hanya jika bAndar tersebut tidak mengalami **Insiden Pengganas** dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh berkuat kuasa manfaat C-1: Manfaat Pembatalan Perjalanan;
(e) bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada letusan gunung berapi, banjir, gempa bumi, tsunami, taufan atau kebakaran hutan.

Bagi tujuan C-1, ia mestilah berlaku dalam tempoh 14 hari sebelum waktu berlepas asal dari Malaysia seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
Sila ambil perhatian bahawa berhubung dengan C-1(c) dan C-1(e), tuntutan sedemikian hendaklah dibuat terhadap pihak berkaitan terlebih dahulu sebelum **Kami** membuat sebarang bayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada pihak berkaitan tersebut atau, sekiranya pampasan itu ditolak, bukti penolakan tersebut hendaklah dikemukakan. Dalam apa jua keadaan, **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** melebihi jumlah maksimum diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam C-1: Pembatalan Perjalanan, dalam **Jadual Manfaat**.

Kami akan membayar balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah dan diperlukan yang:
(i) telah dibayar terlebih dahulu; dan
(ii) tidak boleh dituntut daripada mana-mana pihak berkaitan;

sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam C-1: Pembatalan Perjalanan, dalam **Jadual Manfaat**.

2. **Pemendekan Perjalanan**
Sekiranya **Anda** tidak dapat meneruskan **Perjalanan ke Luar Negara** dan pulang terus ke Malaysia akibat
(a) sesuatu **Hilang Upaya** yang mengakibatkan:
(i) kematian;
(ii) hilang upaya penuh dan **Kekal**;
(iii) kemasukan ke sesebuah **Hospital** sebagai pesakit dalam sekurang-kurangnya 48 jam, di mana kemasukan tersebut merupakan **Perubatan yang Diperlukan**;
(iv) dihadkan atau ditempatkan untuk rawatan **Perubatan yang Diperlukan** sekurang-kurangnya 48 jam seperti yang dinasihatkan oleh **Doktor**; atau
(v) cadangan daripada **Doktor** yang memberikan rawatan untuk pulang ke rumah dan dianggap munasabah oleh **Kami**; berlaku kepada Anda, ahli keluarga terdekat atau **Rakan Perjalanan Anda**;

(b) sesuatu kebakaran atau bencana alam yang mengakibatkan kerosakan serius ke atas tempat kediaman **Anda** di Malaysia;
(c) **Pergolakan Sivil, Rusuhan atau Kekecohan** yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan berjadual bagi pengangkutanan yang dilindungi;
(d) sesuatu **Insiden Pengganas** di bAndar yang disenaraikan dalam jadual perjalanan **Anda**, yang berlaku dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh ketibaan **Anda** yang dijadualkan di bAndar di mana insiden tersebut berlaku, atau selepas tarikh ketibaan **Anda** yang dijadualkan di bAndar di mana insiden tersebut berlaku;
(e) bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada letusan gunung berapi, banjir, gempa bumi, tsunami, taufan atau kebakaran hutan.

Sila ambil perhatian bahawa berhubung dengan C-2(c) dan C-2(e), tuntutan sedemikian hendaklah dibuat terhadap pihak berkaitan sebelum **Kami** membuat sebarang bayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada pihak berkaitan atau, sekiranya pampasan ditolak, bukti penolakan tersebut hendaklah dikemukakan. Dalam apa jua keadaan, **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** melebihi jumlah maksimum diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam C-2: Pemendekan Perjalanan, dalam **Jadual Manfaat**.

Kami akan membuat bayaran balik yang munasabah dan diperlukan seperti berikut:
(i) kos tambahan perjalanan dan penginapan; dan/atau
(ii) perbelanjaan yang tidak digunakan dan tidak boleh dikembalikan yang telah dibayar terlebih dahulu dan tidak boleh diperoleh semula daripada mana-mana pihak berkaitan;
sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam C-2: Pemendekan Perjalanan, dalam **Jadual Manfaat**.

Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat sama ada di bawah C-1 atau C-2 di atas.

Pengecualian:
Bagi tujuan A-1 hingga C-2, **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian yang timbul di bawah, melalui atau disebabkan oleh pengecualian berikut:
1) pencederaan diri sendiri, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, pendedahan kepada bahan bahaya secara sengaja atau cuai;
2) mengambil dadah:

(a) selain mengikut arahan pengilang atau seperti yang ditetapkan oleh pengamal perubatan berdaftar; atau
(b) untuk rawatan ketagihan dadah;

3) sebarang keadaan sedia ada di mana **Anda** atau **Keluarga Anda**:
(a) telah menerima atau sedang menerima rawatan;
(b) telah diberikan nasihat perubatan atau diagnosis, di mana penjagaan atau rawatan telah dicadangkan;
(c) or mempunyai simptom yang jelas dan nyata; atau
(d) apabila kewujudannya boleh dikenal pasti oleh seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut,
dalam tempoh 1 tahun sebelum **Tarikh Berkuat Kuasa** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**;
4) sebarang penyakit kelamin dan kesan lanjutnya;
5) sebarang keadaan kongenital termasuk sebarang kecacatan perubatan atau fizikal yang wujud pada waktu lahir, serta kecacatan fizikal neonatal berkembang dalam tempoh 6 bulan dari waktu lahir;
6) **AIDS**; termasuk HIV, Sindrom Wasting HIV dan keadaan berkaitan dengan **AIDS** (ARC). **Kami** berhak untuk meminta **Anda** menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat awal sebelum sebarang tuntutan diproses;
7) kebimbangan, tekanan, psikosis, gangguan mental dan saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya)
8) **Pembedahan** kosmetik atau plastik kecuali disebabkan oleh **Kemalangan** dan disyorkan oleh **Doktor** atau sebarang **Pembedahan** pilihan;
9) kehamilan, kesuburan atau kawalan kelahiran;
10) rawatan untuk pengurangan atau peningkatan berat badan;
11) pemeriksaan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur serta terapi penggantian hormon;
12) sebarang pemeriksaan mata, **Pembedahan** refraktif, rawatan pergigian atau **Pembedahan** mulut kecuali ia merupakan akibat langsung daripada **Kemalangan**;
13) sunat atau perbelanjaan yang ditanggung bagi penukaran jantina;
14) vaksinasi dan komplikasinya;
15) pendermaan organ badan termasuk kos pemerolehan dan pendermaan;
16) alat atau peranti prostetik luaran seperti anggota badan palsu, alat pendengaran, perentak jantung yang diimplan, kanta lekap, kanta, cermin mata dan preskripsinya;
17) kemasukan ke sesebuah **Hospital** sebagai pesakit dalam untuk menerima rawatan yang tidak berkaitan dengan diagnosis atau rawatan untuk **Hilang Upaya**;
18) sebarang rawatan atau kemasukan ke hospital yang tidak dianggap sebagai **Perubatan yang Diperlukan** oleh **Kami**;
19) kos dan perbelanjaan yang bukan bersifat perubatan;
20) jururawat persendirian, tempoh rehat, penjagaan sanatorium atau detoksifikasi;
21) pemeriksaan kesihatan rutin;
22) sebarang **Perjalanan ke Luar Negara** yang dijalankan bertentangan dengan nasihat **Doktor** atau apabila tujuan perjalanan tersebut adalah untuk mendapatkan sebarang bentuk rawatan, konsultasi atau nasihat perubatan;
23) sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung di luar negara selepas **Kami** berpendapat bahawa **Anda** layak untuk pulang ke Malaysia tetapi **Anda** enggan membuat demikian;
24) sebarang perbelanjaan perubatan di luar negara yang, menurut pendapat **Kami**, boleh ditangguhkan sehingga rawatan dilakukan selepas pulang ke Malaysia; dan
25) sebarang perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia kecuali sejauh yang disediakan di bawah A-2: Perbelanjaan Perubatan di Malaysia dan A-1: Perbelanjaan Perubatan bagi **Perjalanan Domestik** yang berpunca daripada **Kemalangan**.

3.1 Kelewatan Perjalanan

Sekiranya waktu berlepas asal **Pengangkutanan Awam Anda** yang dijadualkan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda** ditangguhkan semasa dalam sesuatu **Perjalanan**, **Kami** akan membayar had yang dinyatakan di bawah C-3.1: Kelewatan Perjalanan dalam **Jadual Manfaat**.

Walau bagaimanapun, **Kami** tidak akan membuat sebarang bayaran sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:

(a) **Anda** terlepas **Pengangkutanan Awam** berjadual akibat kegagalan **Anda** untuk mendaftar masuk dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda**;
(b) sebarang **Mogok** akibat daripada **Pengangkutan Awam** berjadual yang telah wujud pada tarikh **Perjalanan ke Luar Negara** atau **perjalanan domestik Anda** yang diatur, atau terdapat amaran mengenai **Mogok** yang akan berlaku yang telah disiarkan dalam media massa ketika **Perjalanan ke Luar Negara** atau **Perjalanan Domestik Anda** diatur.
(c) **Anda** tiba lewat di terminal **Pengangkutan Awam** dari mana **Pengangkutan Awam** berjadual yang dilindungi akan berlepas, kecuali sekiranya kelewatan ketibaan tersebut disebabkan oleh sesuatu **Mogok;**
(d) penjadualan semula **Pengangkutan Awam** kecuali disebabkan oleh bencana alam atau kegagalan peralatan;
(e) sebarang kelewatan yang telah dimaklumkan kepada **Anda** dalam tempoh 24 jam sebelum permulaan **Perjalanan Anda**; atau
(f) sebarang insurans perjalanan yang dibeli dalam tempoh 6 jam sebelum waktu berlepas asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda**.

Tempoh kelewatan hendaklah dikira bermula dari waktu berlepas asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda** sehingga **Pengangkutan Awam** seterusnya yang tersedia, atau sebarang kaedah pengangkutanan alternatif, mengikut mana-mana yang

berlaku terlebih dahulu.

3.2 Terlepas Perjalanan Sambungan

Sekiranya **Anda** terlepas **Pengangkutan Awam** sambungan berjadual di tempat transit akibat kelewatan **Pengangkutan Awam** yang masuk dan tiada pengangkutanan alternatif disediakan oleh **Pengangkutan Awam** yang masuk tersebut, maka **Kami** akan membayar bagi setiap tempoh kelewatan enam (6) jam, had bagi **Pelan** yang **Anda** pilih, sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan yang berkenaan, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Walau bagaimanapun, **Kami** tidak akan membuat sebarang bayaran sekiranya:

1. **Pengangkutan Awam Anda** yang tiba dijadualkan untuk sampai selepas waktu daftar masuk yang ditetapkan oleh **Pengangkutan Awam** sambungan; atau
2. **Pengangkutan Awam Anda** yang tiba dijadualkan untuk sampai kurang daripada satu (1) jam sebelum waktu berlepas berjadual **Pengangkutan Awam** sambungan; atau
3. **Anda** membeli polisi ini dalam tempoh enam (6) jam sebelum waktu berlepas asal **Pengangkutan Awam** sambungan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda**.

Tempoh kelewatan hendaklah dikira bermula dari waktu berlepas asal **Pengangkutan Awam** sambungan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Anda sehingga **Pengangkutan Awam** seterusnya yang tersedia atau sebarang kaedah pengangkutanan alternatif, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

Pengecualian:

Bagi tujuan C-3.2, **Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat atau menanggung perbelanjaan yang berpunca daripada:

1. kos yang telah dibayar atau ditanggung bagi pihak mana-mana individu selain daripada **Anda**;
2. sebarang keengganan untuk meneruskan perjalanan atau perubahan jadual perjalanan yang dilakukan oleh **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda**.
3. ketidakupayaan **Anda** untuk meneruskan perjalanan **Anda** akibat kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang **Anda** perlukan bagi **Perjalanan** tersebut.

Dalam mana-mana satu (1) kejadian kerugian, **Anda** hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah C-3.1: Kelewatan Perjalanan atau C-3.2: Terlepas Perjalanan Sambungan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4. Kelewatan Bagasi

Sekiranya bagasi berdaftar masuk yang mengiringi **Anda** ditangguhkan dari waktu ketibaan semasa dalam sesuatu **Perjalanan**, **Kami** akan membayar had yang ditetapkan di bawah C-4: Kelewatan Bagasi dalam **Jadual Manfaat**.

Walau bagaimanapun, **Kami** tidak akan membayar sebarang tuntutan akibat rampasan atau penahanan oleh pihak kastam, imigresen dan/atau pihak berkuasa awam.

Tempoh kelewatan hendaklah dikira bermula dari waktu ketibaan di tempat pengambilan bagasi sehingga bagasi tersebut diterima atau diserahkan kepada **Anda** atau kepada individu yang diberi kuasa oleh **Anda** untuk menerima bagasi tersebut.

5. Kerosakan atau Kehilangan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi

Sekiranya bagasi dan/atau barangan peribadi **Anda** yang dibawa atau dibeli semasa dalam sesuatu **Perjalanan** hilang atau rosak akibat **Kecurian** atau kecuaian daripada **Pengangkutan Awam**, mengikut budi bicara mutlak **Kami**, **Kami** akan sama ada membayar balik kepada **Anda** kos pembelian barangan yang hilang atau kos pembaikan barangan yang rosak, sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan di bawah C-5: Kerosakan atau Kehilangan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi dalam **Jadual Manfaat**, dan sentiasa tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

(a) bagi kehilangan atau kerosakan akibat kecuaian daripada **Pengangkutan Awam**, bagasi tersebut hendaklah didaftarkan masuk bersama **Pengangkutan Awam** berkenaan;
(b) bagi kehilangan **Barang Kemas**, **Barang Kemas** tersebut hendaklah dipakai oleh **Anda** ketika berlakunya kehilangan dan diambil secara paksaan;
(c) bagi kehilangan jam tangan, barangan bulu, barangan elektronik termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon mudah alih genggam, kamera (termasuk kamera digital), kamera video, teropong, komputer dan produk berkaitan komputer, barangan tersebut hendaklah dibawa oleh **Anda** ketika berlakunya kehilangan; dan
(d) bagi kehilangan termasuk barangan seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas yang berlaku di dalam bilik hotel, kehilangan tersebut hendaklah dibuktikan melalui bukti fizikal (pecah masuk).

Kami akan membayar mengikut harga pembelian asal barangan yang hilang tertakluk kepada pengemukaan resit asal; sekiranya resit asal tidak dikemukakan, bayaran balik akan dibuat berdasarkan susut nilai yang ditentukan sepenuhnya mengikut budi bicara **Kami**.

Bagi kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh **Pengangkutan Awam** atau hotel, tuntutan hendaklah terlebih dahulu dibuat terhadap **Pengangkutan Awam** atau hotel berkenaan sebelum **Kami** membuat sebarang bayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan bersama bukti pampasan yang diterima daripada **Pengangkutan Awam** atau hotel berkenaan, atau sekiranya pampasan tersebut ditolak, bukti penolakan tersebut hendaklah dikemukakan. Dalam apa jua keadaan, **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** melebihi jumlah maksimum diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah C-5: Kerosakan atau Kehilangan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi, dalam **Jadual Manfaat**.

Pengecualian:
Bagi tujuan C-5, **Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat bagi kehilangan yang berpunca daripada atau menanggung perbelanjaan yang berpunca daripada:
1) sebarang kenderaan bermotor;
2) peralatan sukan termasuk **Peralatan Golf**;
3) barangan cepat rosak dan barangan guna habis;
4) barangan antik, artifak, lukisan, objek seni atau apa-apa objek yang mempunyai nilai intrinsik
5) manuskrip, sekuriti atau instrumen kewangan dalam apa jua bentuk, wang kertas atau cek pengembara;
6) setem, dokumen perjalanan, kad kredit, hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan;
7) alat atau peranti prostetik luaran termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, perentak jantung yang diimplan, kanta lekap, kanta, cermin mata, gigi tiruan dan jambatan pergigian;
8) perbuatan haiwan;
9) alat muzik;
10) barangan mudah pecah;
11) kehausan dan kelusuhan atau kerosakan akibat sebarang proses pembaikan, kemerosotan secara beransur-ansur, serangan ngengat, haiwan perosak, keadaan atmosfera atau cuaca, atau kerosakan yang dialami akibat sebarang proses atau semasa sedang dikerjakan atau yang berpunca daripadanya, kegagalan atau kerosakan mekanikal atau elektrik;
12) peralatan yang disewa atau dipajak;
13) kehilangan bagasi yang dihantar terlebih dahulu, dipos atau dihantar secara berasingan;
14) kehilangan bagasi yang ditinggalkan tanpa pengawasan di mana-mana tempat yang boleh diakses secara bebas oleh orang awam;
15) kehilangan barangan perniagaan, sampel atau peralatan dalam apa jua bentuk;
16) kehilangan data yang direkodkan pada pita, kad, cakera atau dalam apa jua bentuk lain;
17) kehilangan berhubung dengan kekurangan akibat kesilapan, kelengahan, urus niaga pertukaran atau susut nilai;
18) kehilangan akibat **Kecurian** daripada kenderaan yang ditinggalkan tanpa pengawasan;
19) rampasan, penahanan atau pemusnahan oleh pihak kastam, imigresen dan/atau pihak berkuasa awam
20) sebarang barangan elektronik, **Komputer Riba** atau **Barang Kemas** yang didaftarkan masuk bersama **Pengangkutan Awam**; dan
21) kehilangan secara misteri atau tanpa penjelasan.

6. Kehilangan Wang
Sekiranya **Anda** kehilangan wang kertas atau cek pengembara **Anda** semasa dalam sesuatu **Perjalanan ke Luar Negara** akibat **Kecurian**, **Kami** akan membayar mengikut jumlah kerugian seperti yang dinyatakan dalam laporan polis, tertakluk kepada jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan di bawah C-6: Kehilangan Wang dalam **Jadual Manfaat**.

7. Kehilangan Dokumen Perjalanan
Sekiranya **Anda** kehilangan pasport atau visa **Anda** semasa dalam sesuatu **Perjalanan ke Luar Negara** akibat **Kecurian**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang munasabah dan perlu yang ditanggung bagi penggantian pasport dan/atau visa tersebut; serta sebarang perbelanjaan tambahan yang munasabah dan perlu yang ditanggung di luar negara bagi:
(a) penginapan;
(b) komunikasi;
(c) perjalanan di tempat kehilangan; dan
(d) makanan;

sehingga jumlah yang ditetapkan di bawah C-7: Kehilangan Dokumen Perjalanan dalam **Jadual Manfaat**:

Pengecualian:
Bagi tujuan C-6 dan C-7, **Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat atau menanggung perbelanjaan bagi kehilangan yang berpunca daripada:
(a) kekurangan mata wang akibat kesilapan, kelengahan, urus niaga pertukaran atau susut nilai
(b) penahanan atau rampasan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah;
(c) kehilangan secara misteri; dan
(d) barangan yang ditinggalkan tanpa pengawasan di mana-mana tempat yang boleh diakses secara bebas oleh orang awam.

8. Penggunaan Kad Kredit Secara Penipuan
Sekiranya semasa **Perjalanan Anda**, kad kredit **Anda** dicuri oleh mana-mana individu selain daripada saudara-mara **Anda** atau

Rakan Perjalanan Anda dan **Anda** bertanggungjawab secara sah terhadap bayaran yang timbul daripada penggunaan kad kredit **Anda** tanpa kebenaran, **Kami** akan membayar sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** bagi liabiliti undang-undang yang tidak boleh dipulihkan dan/atau kos penggantian kad kredit.

9. Caj Lebihan Sewa Kereta

Kami akan membayar balik kepada **Anda** sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan di bawah C-9: **Caj Lebihan Sewa Kereta**, dalam **Jadual Manfaat**.

Syarat-syarat berikut terpakai:

(a) **Kenderaan Sewa** hendaklah disewa daripada agensi sewa kereta yang berlesen;
(b) **Anda** merupakan pemandu yang dinamakan atau pemandu bersama bagi kereta sewa tersebut;
(c) **Anda** telah mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian sewa kereta;
(d) **Anda** menggunakan **Kenderaan Sewa** tersebut semata-mata untuk membawa penumpang yang tidak dikenakan tambang dan tidak menggunakannya untuk pengangkutanan barangan komersial;
(e) **Anda** telah membeli insurans motor komprehensif bagi **Kenderaan Sewa** tersebut sepanjang tempoh sewa kereta dan **Anda** telah mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi insurans motor komprehensif tersebut.

Pengecualian:

Bagi tujuan C-9, **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian yang timbul di bawah, melalui atau yang disebabkan oleh mana-mana pengecualian berikut:

1. pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian sewa kereta;
2. mana-mana **Kenderaan Sewa** yang diklasifikasikan sebagai karavan, motorhome atau mana-mana kenderaan lain yang digunakan bagi tujuan penginapan dan pengangkutanan;
3. mana-mana **Kenderaan Sewa** yang tidak dikategorikan sebagai kenderaan bermotor penumpang, termasuk tetapi tidak terhad kepada motosikal, kereta perlumbaan, kenderaan air dan pesawat udara dalam apa jua bentuk;
4. kehausan dan kelusuhan serta kemerosotan secara beransur-ansur, serangan ngengat atau haiwan perosak, kecacatan semula jadi, kecacatan tersembunyi atau kerosakan;
5. kehilangan atau kerosakan yang berlaku di luar had mana-mana jalan awam atau di mana-mana jalan yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan pacuan dua roda.

D) Penyelesaian Bantuan Perjalanan

Anda boleh menghubungi **Travel Guard** untuk perkhidmatan berikut:

1. **Bantuan Perjalanan 24/7 di Seluruh Dunia**

Travel Guard boleh memberikan bantuan kepada **Anda** berkaitan dengan keperluan visa, nasihat perubatan, cadangan vaksinasi serta langkah pencegahan yang mungkin diperlukan sebelum Anda melakukan perjalanan ke destinasi **Anda**. **Travel Guard** juga boleh memberikan maklumat mengenai kadar pertukaran mata wang utama berbanding dengan Ringgit Malaysia.

2. **Doktor Sedia Panggil**

Doktor dan profesional perubatan **Travel Guard** sedia dihubungi melalui telefon untuk memberikan nasihat dan bantuan kepada **Anda** sekiranya **Anda** mengalami kecemasan perubatan dan/atau sebarang isu berkaitan dengan perubatan semasa dalam sesuatu **perjalanan**. Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital, **Doktor Travel Guard** boleh memantau rawatan **Anda** dan sentiasa berhubung dengan **Doktor** yang merawat **Anda** bagi memastikan **Anda** menerima rawatan yang sewajarnya.

3. **Perkhidmatan Amaran Peristiwa Dunia**

Anda boleh menghubungi **Travel Guard** pada bila-bila masa untuk mendapatkan maklumat mengenai peristiwa politik dan peristiwa perubatan berskala besar di seluruh dunia yang mungkin menimbulkan ancaman kepada keselamatan perjalanan **Anda**.

4. **Cuaca Global**

Anda boleh menghubungi **Travel Guard** pada bila-bila masa untuk menerima ramalan cuaca dan maklumat cuaca di seluruh dunia yang mungkin menjejaskan jadual Perjalanan **Anda**.

5. **Perkhidmatan Kecemasan Perjalanan**

Travel Guard boleh membantu **Anda** membuat tempahan semula penerbangan, hotel dan sewa kereta sekiranya berlaku kecemasan atau keadaan yang tidak dijangka.

6. **Jurubahasa Kecemasan**

Sekiranya **Anda** berada dalam situasi kecemasan, **Travel Guard** boleh menyediakan perkhidmatan jurubahasa melalui telefon peribadi, melalui pusat bantuan mereka serta rujukan kepada perkhidmatan jurubahasa sekiranya diperlukan.

7. **Perkhidmatan Duta**

Travel Guard boleh bertindak sebagai duta peribadi **Anda** semasa dalam sesuatu **Perjalanan** dan memberikan bantuan seperti panduan ke kedutaan, penggantian dokumen perjalanan, rujukan guaman serta penyampaian mesej penting kepada **Ahli Keluarga Terdekat Anda**.

8. **Wang Tunai Global**
Sekiranya **Anda** kehilangan dompet atau beg tangan **Anda** semasa dalam sesuatu perjalanan, **Travel Guard** boleh membantu **Anda** mendapatkan wang tunai di luar negara bagi tujuan kecemasan dari akaun bank **Anda** di negara asal. Atas permintaan **Anda**, **Travel Guard** juga boleh membantu **Anda** menggantikan kad kredit **Anda**.

Bagi tujuan D-1 to D-8, syarat-syarat berikut terpakai:

Klausa Ganti Rugi:
Travel Guard berjanji untuk melaksanakan tahap tanggungjawab dan ketekunan yang sewajarnya dalam pelantikan dan/atau rujukan mana-mana penyedia perkhidmatan untuk membantu Anda. **Travel Guard** tidak memikul sebarang tanggungjawab terhadap apa-apa nasihat atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Kos Pihak Ketiga:
Semua kos pihak ketiga yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan merupakan tanggungjawab **Anda**.

E) Perlindungan Covid-19

1.1 Pembatalan Perjalanan Akibat Covid-19
Sekiranya **Anda** dihalang daripada memulakan **Perjalanan** akibat daripada **Anda** atau **Ahli Keluarga Terdekat** didiagnosis di Malaysia sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19** dalam masa tujuh (7) hari sebelum permulaan **Perjalanan Anda.**

Kami akan membayar balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah dan diperlukan yang:
1. telah dibayar terlebih dahulu; dan
2. tidak boleh dituntut daripada mana-mana pihak berkaitan;

sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam E-1.1 dalam **Jadual Manfaat**.

Sila ambil perhatian bahawa tuntutan sedemikian hendaklah dibuat terhadap pihak berkaitan terlebih dahulu sebelum **Kami** membuat sebarang bayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada pihak berkaitan tersebut atau, sekiranya pampasan itu ditolak, bukti penolakan tersebut hendaklah dikemukakan. Dalam apa jua keadaan, **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** melebihi jumlah maksimum diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam E-1.1 dalam **Jadual Manfaat**.

Syarat Khusus Manfaat E1.1:
1. Seluruh polisi akan ditamatkan setelah tuntutan dibayar bagi manfaat E-1.1. Tiada perlindungan lain di bawah polisi akan disediakan selepas itu.
2. Tarikh Isu Polisi Anda mestilah minimum tujuh (7) hari sebelum permulaan **Perjalanan Anda**.

1.2 Pemendekan Perjalanan Akibat Covid-19
Sekiranya **Anda** tidak dapat meneruskan Perjalanan ke Luar Negara dan pulang terus ke Malaysia akibat daripada **Anda, Ahli Keluarga Terdekat** atau **Rakan Perjalanan Anda** didiagnosis sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19** mengakibatkan:
- (i) kematian;
- (ii) hilang upaya penuh dan **Kekal**;
- (iii) kemasukan ke sesebuah **Hospital** sebagai pesakit dalam sekurang-kurangnya 48 jam, di mana kemasukan tersebut merupakan **Perubatan yang Diperlukan**;
- (iv) dihadkan atau ditempatkan untuk rawatan **Perubatan yang Diperlukan** sekurang-kurangnya 48 jam seperti yang dinasihatkan oleh **Doktor**; atau
- (v) cadangan daripada **Doktor** yang memberikan rawatan untuk pulang ke rumah dan dianggap munasabah oleh **Kami**; berlaku kepada **Anda**, **Ahli Keluarga Terdekat** atau **Rakan Perjalanan Anda**;

Sila ambil perhatian bahawa tuntutan sedemikian hendaklah dibuat terhadap pihak berkaitan sebelum **Kami** membuat sebarang bayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada pihak berkaitan atau, sekiranya pampasan ditolak, bukti penolakan tersebut hendaklah dikemukakan. Dalam apa jua keadaan, **Kami** tidak akan membayar balik kepada **Anda** melebihi jumlah maksimum diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam E-1.2 dalam **Jadual Manfaat**.

Kami akan membayar balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah dan diperlukan yang:
1. kos tambahan perjalanan dan penginapan; dan/atau
2. perbelanjaan yang tidak digunakan dan tidak boleh dikembalikan yang telah dibayar terlebih dahulu dan tidak boleh diperoleh semula daripada mana-mana pihak berkaitan;

sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam E-1.2 dalam **Jadual Manfaat**.

Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat sama ada di bawah E-1.1 atau E-1.2 di atas.

2. **Perbelanjaan Perubatan Akibat Covid-19**

Sekiranya **Anda** didiagnosis sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19** semasa dalam sesuatu **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perubatan yang Diperlukan**, yang ditanggung dalam tempoh 52 minggu dari **Tarikh Kerugian** sehingga had jumlah maksimum yang dinyatakan dalam E-2 dalam **Jadual Manfaat**, dengan syarat rawatan tersebut mesti dikendalikan oleh **Doktor**.

Penting:

a. Sekiranya **Anda** berhak menerima bayaran bagi keseluruhan atau sebahagian daripada Perbelanjaan Perubatan daripada mana mana sumber lain, **Kami** akan membayar perbezaan antara amaun yang sebenarnya ditanggung dan dibayar oleh **Anda** dengan amaun yang **Anda** berhak terima daripada sumber lain tersebut.
b. Sekiranya **Anda** dimasukkan ke **Hospital** dan berkemungkinan akan dirawat sebagai pesakit dalam lebih daripada dua puluh empat (24) jam, **Anda** atau seseorang yang bertindak bagi pihak **Anda** hendaklah menghubungi **Travel Guard** dengan serta-merta. Sekiranya **Anda** atau seseorang yang bertindak bagi pihak **Anda** tidak memaklumkan **Travel Guard** sebelum tempoh rawatan melebihi dua puluh empat (24) jam, **Kami** mungkin tidak akan memberikan perlindungan atau boleh mengurangkan amaun perbelanjaan perubatan yang **Kami** bayar balik kepada **Anda**.
c. Perbelanjaan perubatan yang perlu dan munasabah yang dilindungi ialah perbelanjaan yang diperlukan dari segi perubatan untuk merawat keadaan **Anda** di tempat berlakunya insiden perubatan tersebut, kecuali jika diluluskan sebaliknya secara bertulis oleh **Kami** atau **Travel Guard** sebelum rawatan perubatan tersebut diberikan.

3. **Elaun Hospital Akibat Covid-19**

Sekiranya **Anda** didiagnosis sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19 Perjalanan ke Luar Negara** dan disebabkan oleh kejadian ini, **Anda** dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** bagi setiap hari **Anda** dimasukkan ke **Hospital**, sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**.

4. **Kematian Akibat Covid-19**

Sekiranya **Anda** didiagnosis sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19** semasa dalam **Perjalanan Anda**, di mana dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**.

5. **Pemindahan Perubatan Kecemasan Akibat Covid-19**

Sekiranya **Anda** didiagnosis sebagai orang dengan pengesahan makmal terhadap jangkitan dengan **Covid-19** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda,** dan sekiranya pada pendapat **Kami** atau **Travel Guard**, adalah dianggap munasabah dari segi perubatan untuk sama ada memindahkan **Anda** ke lokasi lain bagi mendapatkan rawatan perubatan, **Travel Guard** akan mengatur pemindahan tersebut dengan menggunakan kaedah yang **Kami** atau **Travel Guard** anggap paling sesuai, berdasarkan tahap keseriusan keadaan perubatan **Anda**.
Jumlah maksimum yang diinsuranskan yang boleh dibayar ialah had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** bagi **Pelan** yang **Anda** pilih.

Pengecualian:

Bagi tujuan E-5, **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian yang timbul di bawah, melalui atau disebabkan oleh pengecualian berikut:
1. Penyakit atau sebarang insiden seumpamanya yang tidak berpunca secara langsung daripada **Covid-19;**
2. Prosedur eksperimen, elektif atau penyiasatan;
3. Pemeriksaan perubatan bukan kecemasan atau pemeriksaan perubatan rutin;
4. Vaksinasi berkaitan dengan perjalanan atas nasihat kesihatan serta sebarang komplikasi yang timbul daripadanya;
5. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung dan dibayar bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain yang mana **Anda** tidak bertanggungjawab untuk membayarnya, atau sebarang perbelanjaan yang telah termasuk dalam kos **perjalanan** berjadual **Anda;**
6. Sebarang perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak diluluskan dan tidak diatur oleh **Kami** atau **Travel Guard**, kecuali pengecualian ini tidak terpakai sekiranya **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda**, atas sebab di luar kawalan **Anda** atau mereka,

tidak dapat memaklumkan **Kami** atau **Travel Guard** semasa situasi kecemasan. Walau apa pun keadaan, **Kami** berhak untuk hanya membayar balik kepada **Anda** perbelanjaan dan perkhidmatan yang telah ditanggung dan dibayar yang akan **Kami** atau **Travel Guard** sediakan dalam keadaan yang sama, terhad kepada jumlah sebenar yang ditanggung, dan tertakluk pada setiap masa kepada had maksimum amaun yang diinsuranskan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**;

7. Sebarang perbelanjaan yang tidak disokong oleh laporan perubatan bertulis daripada **Penyedia Perkhidmatan** yang berkaitan;
8. Sebarang perbelanjaan bagi alat prostetik luaran atau peranti, termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, kanta lekap, kanta, cermin mata, gigi palsu dan jambatan pergigian, kerusi roda atau alat bantuan berjalan. Namun, pengecualian ini tidak termasuk sewaan kerusi roda dan alat bantuan atau peranti seumpamanya yang digunakan oleh **Anda** atas arahan **Doktor** semasa tempoh **Penahanan di Hospital** sebagai pesakit dalam.
9. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung dan dibayar bagi hak atau upacara keagamaan;
10. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung dan dibayar bagi penghantaran balik jenazah **Anda** dan perkhidmatan berkaitan yang tidak diluluskan atau diatur oleh **Kami** atau **Travel Guard**.

Pengecualian:
Bagi tujuan E1 ke E-5, **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian yang timbul di bawah, melalui atau disebabkan oleh pengecualian berikut:

1. Keadaan sedia ada, atau jangkitan **Covid-19** yang **Anda** ketahui sewajarnya sebelum tarikh mula **Tempoh Insurans** polisi ini tetapi ini tidak terpakai jika **Anda** telah pulih sepenuhnya daripada **Covid-19** dan tidak lagi menerima rawatan sebelum **Tempoh Insurans jadual polisi.**
2. Sekiranya **Anda** melakukan perjalanan bertentangan dengan nasihat **Doktor**, atau sebarang tuntutan yang timbul daripada **Anda** bertindak dengan cara yang bertentangan dengan nasihat **Doktor** (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perjalanan dengan gejala **Covid-19**).
3. Sebarang kerugian yang disebabkan oleh penutupan sempadan, larangan perjalanan atau perintah kerajaan, nasihat, peraturan atau arahan mengenai perjalanan secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan **Covid-19.**
4. **Anda** belum menerima **Vaksin Covid-19 yang Diluluskan**, kecuali jika **Anda** tidak dapat menerima vaksin kerana keadaan kesihatan, dan/atau **Anak** yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun di Malaysia.

F) Manfaat Tambahan

1. **Badal Haji (hanya untuk Orang Islam)**
Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangan upaya seperti yang dilindungi di bawah F-1 **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk kos melakukan Badal Haji bagi pihak **Anda**.

2. **Wakaf (hanya untuk Orang Islam)**
Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, yang dalam masa dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangan upaya seperti yang dilindungi di bawah F-2, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk kos melakukan Wakaf bagi pihak **Anda.**

3. **Korban (hanya untuk Orang Islam)**
Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, yang dalam masa dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangan upaya seperti yang dilindungi di bawah F-3, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk kos melakukan ibadah Korban bagi pihak **Anda.**

4. **Wang Kecemasan (hanya untuk Orang bukan Islam)**
Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, yang dalam masa dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangan upaya seperti yang dilindungi di bawah F-4, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** sebagai tunai kecemasan kepada keluarga **Anda.**

Bahagian 4: Manfaat Tambahan Pilihan

Manfaat yang dinyatakan di bawah adalah manfaat pilihan dan hanya terpakai sekiranya **Anda** telah membeli manfaat tersebut dan ia dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

G) Manfaat Tambahan Pilihan

1. **Peningkatan Manfaat Kelewatan Perjalanan**
Anda dilindungi sekiranya sesuatu **Perjalanan Anda** mengalami kelewatan selama sekurang-kurangnya tiga (3) jam berturut-turut (tertakluk kepada pengecualian di bawah) dan melebihi waktu berlepas yang dinyatakan dalam jadual perjalanan yang diberikan

kepada **Anda** oleh penyedia **Pengangkutan Awam**. **Kami** akan membayar kepada **Anda** bagi setiap tempoh lengkap tiga (3) jam kelewatan sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat.**

Tempoh kelewatan hendaklah dikira bermula dari waktu berlepas asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda** sehingga **Pengangkutan Awam** seterusnya yang tersedia, atau sebarang kaedah pengangkutanan alternatif, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

Pengecualian:
Bagi tujuan G-1, **Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat bagi kehilangan yang berpunca daripada atau menanggung perbelanjaan yang berpunca daripada:
(a) **Anda** terlepas **Pengangkutanan Awam** berjadual akibat kegagalan **Anda** untuk mendaftar masuk dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda**;
(b) sebarang **Mogok** akibat daripada **Pengangkutan Awam** berjadual yang telah wujud pada tarikh **Perjalanan ke Luar Negara** atau **perjalanan domestik Anda** yang diatur, atau terdapat amaran mengenai **mogok** yang akan berlaku yang telah disiarkan dalam media massa ketika **Perjalanan ke Luar Negara** atau **perjalanan domestik Anda** diatur.
(c) **Anda** tiba lewat di terminal **Pengangkutan Awam** dari mana **Pengangkutan Awam** berjadual yang dilindungi akan berlepas, kecuali sekiranya kelewatan ketibaan tersebut disebabkan oleh sesuatu **Mogok;**
(d) penjadualan semula **Pengangkutan Awam** kecuali disebabkan oleh bencana alam atau kegagalan peralatan;
(e) sebarang kelewatan yang telah dimaklumkan kepada **Anda** dalam tempoh 24 jam sebelum permulaan **Perjalanan Anda**; atau
(f) sebarang insurans perjalanan yang dibeli dalam tempoh 6 jam sebelum waktu berlepas asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan **Anda**.

Syarat Khusus untuk G-1:
Dalam mana-mana satu (1) kejadian kerugian, **Anda** hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah C-3.1: Kelewatan Perjalanan, C-3.2: Terlepas Perjalanan Sambungan, atau G-1: Peningkatan Manfaat Kelewatan Perjalanan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2. **Sukan Khas**
Kami akan menyediakan manfaat kepada **Anda** seperti yang dinyatakan di bawah G-2, apabila **Anda** mengambil bahagian dalam sukan musim sejuk dan aktiviti selam skuba

(a) Sukan Musim Sejuk
Sekiranya **Anda** mengambil bahagian dalam aktiviti sukan musim sejuk, **Kami** akan meliputi aktiviti luncur papan salji dan ski sebagai acara yang dilindungi, dengan syarat aktiviti ini dilakukan dalam sempadan yang ditetapkan bagi lapangan ski komersial sepanjang waktu lapangan ski tersebut dibuka kepada orang awam.

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan akibat perbelanjaan atau kerugian yang timbul di bawah, melalui atau disebabkan oleh:
1) pertandingan luncur papan salji atau ski;
2) lompatan menggunakan tanjakan; atau
3) aktiviti luncur papan salji atau ski secara akrobatik, bebas atau ekstrem.

(b) Selam Skuba
Sekiranya **Anda** mengambil bahagian dalam aktiviti selam skuba, **Kami** akan meliputi aktiviti selam skuba sebagai acara yang dilindungi, dengan syarat **Anda** menyelam bersama jurulatih bertauliah menggunakan semua peralatan dan kelengkapan menyelam **yang** diperlukan, dengan kedalaman tidak melebihi 30 meter.

Bahagian 5: Klausa Penamatan

Perlindungan insurans yang diberikan kepada **Anda** akan berakhir secara automatik jika peristiwa berikut berlaku (mana-mana yang berlaku terlebih dahulu):
(a) serta-merta selepas **Anda** mengaku 100% bertanggungjawab terhadap tuntutan kematian akibat **Kemalangan** atau hilang upaya **Kekal**;
(b) sebarang premium yang masih belum dibayar oleh **Anda** selepas tarikh akhir pembayaran;
(c) apabila **Tempoh Insurans** tamat;
(d) **Anda** tidak berada dalam lingkungan **Umur Kelayakan** untuk menerima perlindungan;
(e) **Anda** terlibat dalam aktiviti yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di Bahagian 3: Manfaat; atau
(f) pembatalan yang dibuat oleh **Anda** atau oleh **Kami** seperti yang dinyatakan di Bahagian 7: Syarat-syarat Umum – Pembatalan polisi ini.

Bahagian 6: Pengecualian Umum

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat, menanggung perbelanjaan atau kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, di bawah, melalui atau yang dikaitkan dengan pengecualian berikut:

1) sekiranya **Anda** terlibat dalam pekerjaan berikut:
   (a) angkatan tentera, pasukan pengaman dan kumpulan seumpamanya;
   (b) anak kapal; atau
   (c) sukan separa profesional dan profesional atau mana-mana sukan yang memberikan pendapatan berkala, kecuali jika penglibatan tersebut adalah semata-mata berkaitan denagn pentadbiran atau pengurusan
2) sekiranya **Anda** terlibat dalam aktiviti berikut yang berkaitan dengan:
   (a) semua kerja manual;
   (b) penggunaan (termasuk ujian) jentera berat, bahan letupan atau bahan berbahaya;
   (c) kerja di tapak luar pesisir di atas apa jua jenis kenderaan atau pengangkutanan;
   (d) perlumbaan selain berjalan kaki (kecuali ultra-maraton yang dikecualikan);
   (e) sebarang jenis aktiviti selam, kecuali jika manfaat tambahan pilihan telah dibeli;
   (f) sebarang jenis sukan musim sejuk, kecuali jika manfaat tambahan pilihan telah dibeli;
3) **Sukan dan Aktiviti Ekstrem**;
4) **Ekspedisi**, perjalanan memburu persendirian, ski/luncur papan salji luar kawasan, aktiviti arung jeram persendirian gred 4 atau ke atas, pelayaran laut terbuka, penerokaan gua, pendakian gunung (jika **Anda** perlukan penggunaan peralatan pendakian, tali atau pemandu, atau pendakian batuan luar, atau aktiviti trekking pada ketinggian melebihi 3,000 meter);
5) pelanggaran undang-undang;
6) keadaan di mana bayaran akan melanggar larangan, peraturan atau undang-undang kerajaan;
7) kegagalan **Anda** untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan tuntutan di bawah polisi ini selepas amaran mengenai sebarang peristiwa perjalanan utama termasuk bencana dan keadaan cuaca ekstrem, kemalangan industri besar dan/atau **Pergolakan Sivil, Rusuhan atau Kekecohan** yang disiarkan melalui atau oleh media massa umum;
8) aktiviti yang berkaitan dengan sebarang pengangkutanan udara atau laut kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial atau kapal persiaran;
9) sebarang perbuatan perang, tindakan musuh asing, perang saudara, pencerobohan, revolusi, pemberontakan, penggunaan kuasa ketenteraan atau perampasan kuasa kerajaan atau ketenteraan. Perang ditakrifkan sebagai perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), termasuk sebarang aktiviti bercorak peperangan yang melibatkan penggunaan kuasa ketenteraan oleh mana-mana negara berdaulat bagi mencapai tujuan ekonomi, geografi, nasionalisme, politik, perkauman, keagamaan atau tujuan lain;

Bagi tujuan pengecualian ini, **Kecederaan** fizikal serius merujuk kepada:
(a) **Kecederaan** fizikal yang melibatkan risiko kematian yang besar;
(b) kecacatan fizikal yang berpanjangan dan ketara; dan/atau
(c) kehilangan atau kemerosotan fungsi anggota badan atau organ yang berpanjangan

10) kegagalan untuk mengambil segala usaha munasabah untuk melindungi harta benda atau mengelakkan **Kecederaan** atau meminimumkan sebarang tuntutan di bawah polisi ini;
11) perbuatan atau kecuaian yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang;
12) sebarang kerugian berbangkit;
13) sebarang kerugian akibat **Kecurian** atau **Pecah Masuk** yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di tempat kehilangan dalam tempoh 24 jam dari penemuan kehilangan tersebut;
14) kesedaran terhadap keadaan:
   (a) sebarang kejadian atau keadaan yang **Anda** sedari atau yang secara munasabah boleh dijangka sedar semasa **Anda** membeli polisi ini atau membuat tempahan perjalanan **Anda** (mengikut mana-mana yang berlaku kemudian), dan yang secara munasabah boleh dijangka akan mendorong **Anda** untuk membuat tuntutan di bawah polisi ini;
   (b) kegagalan **Anda** untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan selepas terdapat amaran dalam media massa mengenai **mogok**, rusuhan, cuaca buruk atau keadaan lain;
   (c) sebarang keadaan yang telah wujud atau diketahui umum sebelum **Anda** membuat tempahan perjalanan **Anda**; atau
   (d) sekiranya **Anda** telah menjalani sebarang ujian makmal/perubatan/kesihatan sebelum pembelian polisi, dan keputusan ujian tersebut secara munasabah boleh dijangka akan mendorong **Anda** untuk membuat tuntutan di bawah polisi ini.
15) insurans perjalanan yang dibeli selepas **perjalanan** telah bermula;
16) sebarang perubahan pelan atau keengganan daripada pihak **Anda** atau mana-mana individu lain untuk memulakan atau meneruskan perjalanan **Anda** yang dirancang; dan
17) sebarang kerugian berbangkit, sama ada ekonomi atau sebaliknya, kehilangan kenikmatan atau kerugian lain yang tidak dinyatakan dalam polisi ini, sama ada berbentuk kewangan atau bukan kewangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kos guaman atau profesional lain dan/atau perbelanjaan perjalanan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana tuntutan yang dibuat oleh **Anda** di bawah polisi ini;
18) wabak atau pandemik seperti yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau oleh mana-mana badan kerajaan rasmi atau pihak berkuasa kesihatan Malaysia atau negara destinasi **Anda**; atau
   (a) sebarang penyakit (termasuk sebarang mutasi, strain atau variasi penyakit tersebut) atau peristiwa yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan pada peringkat antarabangsa (termasuk sebarang mutasi, strain atau variasi penyakit tersebut); atau
   (b) ancaman atau ketakutan terhadap mana-mana wabak, pandemik, penyakit atau peristiwa tersebut; atau

(c) sebarang tindakan pencegahan atau prapencegahan yang diambil bagi menghalang penularan wabak atau pandemik yang berpotensi.

Sila ambil perhatian bahawa pengecualian ini tidak terpakai bagi Seksyen E – Perlindungan Covid-19.

19) **Kuarantin**

20) Sekatan perjalanan akibat perintah, amaran, nasihat, peraturan, arahan, larangan atau penutupan sempadan oleh kerajaan yang berkaitan dengan mana-mana wabak atau pandemik semasa atau terdahulu seperti yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau oleh mana-mana badan kerajaan rasmi atau pihak berkuasa kesihatan Malaysia atau negara destinasi **Anda**;

21) Sesuatu **Insiden Siber**;

22) Perintah, nasihat, kelewatan atau campur tangan yang dikeluarkan oleh kerajaan yang menjejaskan keupayaan untuk melakukan perjalanan;

23) Sesuatu **Insiden C.B.R.N.** (Kimia, Biologi, Radiologi atau Nuklear);

24) Pengendali pelancongan, syarikat penerbangan atau mana-mana syarikat, firma atau individu lain yang mengalami **Kegagalan Kewangan**;

25) Pengendali pelancongan, syarikat penerbangan atau mana-mana syarikat, firma atau individu lain yang tidak mampu atau enggan memenuhi mana-mana bahagian obligasi undang-undang atau kontrak mereka terhadap **Anda**;

26) Sesuatu **Insiden Elektromagnetik**;

27) Sesuatu **Insiden Impak**.

Selain itu,

28) Walau apa pun terma lain di bawah perjanjian ini, **Kami** tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau menyediakan sebarang manfaat di bawah polisi ini setakat mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau penyediaan manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami**, syarikat induk **Kami** atau entiti kawalan muktamad **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Switzerland, Amerika Syarikat, atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi lain yang berkenaan.

29) Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kerugian, **Kecederaan**, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan yang dirancang atau sebenar di, ke, atau melalui Cuba, Iran, Syria, Korea Utara, dan sebahagian wilayah Ukraine (termasuk Crimea, Sevastopol, Kherson, Zaporizhzhia, Republik Rakyat Donetsk (DNR), dan wilayah Republik Rakyat Luhansk (LNR) di Ukraine, Persekutuan Rusia dan Republik Belarus.

30) Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kerugian, **Kecederaan**, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang dialami atau ditanggung oleh penduduk Cuba, Iran, Syria, Korea Utara, dan sebahagian wilayah Ukraine (termasuk Crimea, Sevastopol, Kherson, Zaporizhzhia, Republik Rakyat Donetsk (DNR), dan wilayah Republik Rakyat Luhansk (LNR) di Ukraine, Persekutuan Rusia dan Republik Belarus.

31) Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kerugian, **Kecederaan**, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh Anda, sekiranya **Anda** merupakan seorang:
   i) pengganas;
   ii) ahli pertubuhan pengganas; atau
   iii) pengedar dadah.

Bahagian 7: Syarat-syarat Umum

1) Kewajipan Pendedahan**:** **Anda** hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan bahawa semua jawapan Anda kepada soalan-soalan yang dikemukakan adalah lengkap, penuh, tepat, benar dan berdasarkan pengetahuan terbaik **Anda**. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Kami** tentang sebarang perubahan terhadap maklumat yang telah diberikan kepada **Kami** sebelum ini, sebelum **Kami** mengeluarkan **jadual polisi** kepada **Anda**, serta sebelum Anda memperbaharui atau membuat sebarang perubahan kepada terma polisi **Anda**. Sekiranya **Anda** gagal berbuat demikian, **Kami** mungkin:
   (a) mengisytiharkan pembatalan polisi **Anda** dari tarikh mula polisi (yang bermaksud polisi tersebut dianggap tidak sah), dan **Kami** mungkin tidak akan memulangkan premium atau menuntut mana-mana premium yang belum dibayar;
   (b) membatalkan polisi ini dan memulangkan mana-mana premium selepas ditolak caj pembatalan **Kami**, atau menuntut mana-mana premium yang belum dibayar;
   (c) menuntut bayaran kekurangan premium;
   (d) tidak membayar sebarang tuntutan yang telah dibuat atau akan dibuat di bawah polisi ini; atau
   (e) menuntut semula daripada **Anda** jumlah penuh mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah polisi ini atau mana-mana tuntutan yang **Kami** dikehendaki bayar di bawah mana-mana perundangan berkaitan, termasuk kos pemulihan.

2) Umur kelayakan bagi perlindungan: Bagi **Pelan Perjalanan Tahunan**, **Anda** mestilah berusia 18 tahun ke atas dan di bawah 71 tahun, dan boleh diperbaharui sehingga umur 85 tahun. Bagi **Pelan Setiap Perjalanan**, **Anda** mesti berusia 30 hari ke atas dan di bawah 86 tahun. Umur Minimum ditentukan berdasarkan umur **Anda** pada **tarikh berkuat kuasa polisi**. Umur Maksimum ditentukan berdasarkan umur **Anda** pada tarikh tamat polisi.

3) Bilangan polisi: **Anda** hanya dibenarkan dilindungi di bawah 1 polisi daripada **Kami** bagi setiap **Perjalanan**. Perlindungan hanya akan diberikan oleh polisi yang menyediakan perlindungan tertinggi.

4) Prosedur tuntutan: Sebelum membuat tuntutan di bawah polisi ini, sila hubungi terlebih dahulu ejen perjalanan, syarikat penerbangan atau penyedia pengangkutanan **Anda** untuk mendapatkan penyelesaian alternatif seperti pengaturan semula **Perjalanan Anda** atau tuntutan bayaran balik. **Kami** hanya akan membayar jumlah perlindungan yang diinsuranskan yang tidak dapat dituntut atau diperoleh daripada sumber lain. **Anda** atau pihak yang diberi kuasa atas nama **Anda** hendaklah menghubungi **Kami** dalam tempoh 30 hari selepas **Anda** mengalami kerugian yang mungkin menimbulkan sesuatu tuntutan. Ini boleh dilakukan dengan menghubungi **Kami** di https://web.edge.zurich.com.my/login. Sebarang kelewatan hendaklah disokong dengan alasan munasabah, dan penerimaan tertakluk kepada budi bicara mutlak **Kami**. **Kami** tidak akan membayar sebarang tuntutan yang dimaklum kepada **Kami** selepas 1 tahun dari **Tarikh Kerugian**.
   Satu borang tuntutan yang lengkap beserta bukti sokongan (salinan asal, jika berkenaan) hendaklah dikemukakan kepada **Kami** atas perbelanjaan **Anda** sendiri dalam tempoh 90 hari dari **Tarikh Kerugian**. **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dan/atau **Anda** untuk menjalani ujian darah HIV sebagai prasyarat sebelum sebarang tuntutan diproses.
   Anda bertanggungjawab untuk membuktikan bahawa kerugian tersebut tidak timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pengecualian yang dinyatakan dalam polisi ini. Sekiranya **Kami** meminta **Anda** untuk menjalani pemeriksaan perubatan, **Kami** akan menanggung kos pemeriksaan perubatan tersebut.

5) Bayaran tuntutan: Semua bayaran tuntutan akan dibuat kepada **Anda**. Sekiranya **Anda** meninggal dunia, **Kami** akan membayar hasil tuntutan kepada penama **Anda** (jika berkenaan) atau kepada harta pusaka **Anda**. Setelah bayaran dibuat, **Kami** akan dianggap telah menunaikan sepenuhnya obligasi **Kami** di bawah polisi ini.
   Sekiranya kos dan perbelanjaan rawatan perubatan kecemasan dijamin untuk dibayar terus kepada **Hospital** oleh **Travel Guard**, bayaran pampasan akan dibuat secara langsung kepada **hospital** tersebut. Bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan, manfaat akan dibayar secara langsung kepada penyedia perkhidmatan. Bagi Penghantaran Balik Jenazah, pengaturan dan penghantaran balik jenazah akan dibayar secara langsung kepada penyedia perkhidmatan. Bagi Penjagaan Kanak-kanak, pampasan akan dibayar secara langsung kepada penyedia perkhidmatan. Bagi Liabiliti Peribadi, bayaran tuntutan akan dibuat secara langsung kepada pihak yang menjadi tanggungan **Anda** secara sah.
   Sekiranya **Anda** tidak layak atau tidak berupaya memberikan pelepasan tuntutan yang sah, **Kami** mungkin membuat pengaturan untuk membayar tuntutan kepada seorang pemegang amanah selaras dengan Jadual 10(5) Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013. Penerimaan pembayaran oleh pemegang amanah tersebut akan melengkapkan liabiliti **Kami** di bawah polisi ini.

6) Sumbangan: Sekiranya **Anda** dilindungi oleh polisi lain yang merangkumi manfaat bagi Bahagian 3: Manfaat – A-1, A-2, A-4, A-5, A-6, C-1, C-2, C-5, C-6, C-7, C-8, C-9, E-1.1, E1.2, E-2, E-5 dan Bahagian 4: Manfaat Tambahan Pilihan – G-1, **Kami** hanya akan membayar balik amaun lebihan yang tidak dibayar oleh sumber lain atau polisi insurans lain, dengan syarat bahawa manfaat tersebut boleh dibayar di bawah polisi ini.

7) Polisi yang dipertingkatkan: Sebarang peningkatan hanya terpakai bagi **Pelan Perjalanan Tahunan** dan tertakluk kepada kelulusan **Kami** terlebih dahulu. Sekiranya **Anda** mengalami sesuatu **Hilang Upaya** sebelum perubahan ini, **Kami** akan membayar berdasarkan jumlah maksimum yang diinsuranskan sebelum peningkatan tersebut.

8) Lanjutan perlindungan: Perlindungan boleh dilanjutkan atas budi bicara **Kami** sehingga 30 hari dari tarikh tamat **Tempoh Insurans** bagi sesuatu **Perjalanan** tanpa perlu membayar premium tambahan sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital dan/atau dikuarantin di luar negara atas saranan **Doktor**, atau dalam apa-apa keadaan lain di luar kawalan **Anda** yang **Kami** anggap wajar, yang menghalang **Anda** pulang ke Malaysia sebelum tarikh tamat **Tempoh Insurans**.

9) Hak **Kami** untuk menuntut semula: Sekiranya **Kami** membuat sesuatu bayaran dan kemudian mendapati tuntutan tersebut tidak layak dibayar, **Kami** berhak untuk menuntut semula jumlah yang telah dibayar.

10) Mata wang bagi bayaran: Semua bayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia.

11) Hak milik: **Anda** mempunyai hak untuk menuntut setiap manfaat yang dilindungi di bawah polisi ini. Namun, setiap transaksi berkaitan dengan polisi adalah antara **Anda** dan **Kami**, dan adalah sah tanpa sebarang notis dikeluarkan kepada **Anda**. **Kami** tidak akan mengiktiraf tuntutan yang dibuat oleh pihak lain yang tidak diinsuranskan di bawah polisi ini. **Anda** tidak boleh menyerahkan atau memindahkan manfaat yang dilindungi di bawah polisi ini kepada mana-mana individu atau entiti lain.

12) Hak penama: Penama tidak mempunyai hak untuk membuat sebarang perubahan terhadap polisi ini.

13) Prosiding undang-undang: Tiada prosiding undang-undang terhadap **Kami** yang sah dalam tempoh 90 hari dari **Tarikh Kehilangan**.

14) Timbang tara: Sebarang pertikaian atau perbezaan yang timbul antara **Anda** dan **Kami** boleh dirujuk kepada Asian International Arbitration Center. Semua prosiding timbang tara hendaklah dijalankan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penafian, jika tidak, **Kami** tidak mempunyai obligasi ke atas tuntutan tersebut.

15) Subrogasi: Setelah membuat bayaran tuntutan, **Kami** akan memperoleh semua hak **Anda** untuk menuntut ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga yang mungkin menyumbang kepada kerugian tersebut, pada kos **Kami** sendiri. Namun, **Anda** dikehendaki memberikan kerjasama **Anda** sepenuhnya kepada **Kami** untuk memastikan hak tersebut dan memberikan segala bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak ketiga tersebut

16) Pematuhan kepada undang-undang: Semua terma dan syarat dalam polisi ini adalah selaras dengan undang-undang Malaysia dan/atau arahannya yang dikeluarkan oleh badan pengawalseliaan insurans Malaysia.

17) Pembaharuan: Sebarang pembaharuan hanya terpakai bagi **Pelan Perjalanan Tahunan** dan tertakluk kepada kelulusan **Kami** terlebih dahulu. Kadar premium adalah tidak dijamin. **Kami** berhak untuk menyemak semula premium berdasarkan rekod tuntutan **Anda** yang dilindungi di bawah polisi ini, di mana perubahan tersebut akan terpakai kepada semua individu yang dilindungi di bawah polisi ini, tanpa mengira rekod tuntutan individu mereka sebelum tarikh tamat tempoh polisi.

18) Perubahan: **Kami** boleh mengubah terma dan peruntukan polisi ini dengan memberikan notis 30 hari terlebih dahulu kepada **Anda**. Tiada perubahan pada polisi ini yang akan dianggap sah kecuali dibenarkan oleh **Kami** dan disahkan pada polisi ini.

19) Pemulihan polisi: Sebarang pemulihan polisi hanya terpakai bagi **pelan perjalanan tahunan** dan tertakluk kepada kelulusan **Kami**

terlebih dahulu, dengan syarat bahawa **Anda** membuat permohonan untuk memulihkan polisi dan memberi semua maklumat yang **Kami** perlukan dalam tempoh 90 hari dari tarikh premium tertunggak. Jika diterima, **Kami** akan memulihkan polisi bermula dari hari pertama bulan kalendar berikutnya selepas penerimaan premium oleh **Kami**.
Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, **Kami** tidak akan menerima pembayaran premium bagi tempoh polisi yang telah tamat akibat tidak membayar premium. **Kami** tidak akan membayar sebarang tuntutan yang berlaku semasa tempoh antara tarikh tamat polisi dan pemulihan polisi.

20) Pembatalan: **Anda** boleh membatalkan polisi ini dan perlindungan bagi sesuatu **Perjalanan** dengan memberikan notis bertulis atau emel 30 hari kepada **Kami** di callcentre@zurich.com.my.

a) Bagi **Pelan Perjalanan Tahunan**, pembatalan akan berkuat kuasa mulai hari pertama bulan kalendar berikutnya selepas penerimaan notis pembatalan. **Kami** akan mengekalkan kadar tempoh singkat lazim sepanjang polisi berkuat kuasa, dengan syarat tiada tuntutan telah atau akan dikemukakan oleh **Anda.**
Berikut adalah skala kadar tempoh singkat yang akan digunakan **Pelan Perjalanan Tahunan** sahaja:

Tempoh Polisi Berkuat Kuasa	Peratusan Premium Tahunan Yang Dikenakan
2 bulan (minimum)	40%
3 bulan	50%
4 bulan	60%
5 bulan	70%
6 bulan	75%
Lebih 6 bulan	100%

b) Bagi **Pelan Setiap Perjalanan**, pembatalan adalah berdasarkan budi bicara **Kami** dan akan dianggap berkuat kuasa pada tarikh permohonan pembatalan, dengan syarat tarikh permohonan adalah sebelum tarikh mula **Perjalanan** atau **Tempoh Insurans**, mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu. **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** premium yang telah dibayar bagi tempoh yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat atau akan dibuat sebelum atau selepas **Tarikh Tamat Polisi**. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan selepas tarikh mula **Perjalanan Anda.**

c) **Kami** boleh membatalkan polisi ini atau perlindungan bagi sesuatu **Perjalanan** dengan memberikan notis 30 hari kepada **Anda** ke alamat terakhir yang diketahui. **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** premium yang telah dibayar bagi tempoh polisi yang belum tamat.

21) Komunikasi kepada **Kami**: Semua komunikasi kepada **Kami** hendaklah dalam bentuk bertulis atau melalui cara lain yang diterima oleh **Kami**.

22) Waktu: Merujuk kepada waktu Malaysia.

23) Persetujuan untuk penggunaan data peribadi: **Anda** dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan pengumpulan serta pemprosesan maklumat peribadi **Anda** oleh **Kami** (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran polisi ini), selaras dengan Notis Privasi **Kami** yang diterbitkan dari semasa ke semasa di laman web **Kami** di http://www.zurich.com.my. Sekiranya **Anda** mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan individu lain, **Anda** dengan ini menyatakan dan menjamin bahawa **Anda** mempunyai kuasa untuk memberikan maklumat individu tersebut kepada Zurich Malaysia, bahawa **Anda** telah memaklumkan individu tersebut mengenai tujuan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi mereka, serta pihak-pihak yang mungkin menerima pendedahan maklumat tersebut, dan bahawa individu tersebut bersetuju dan membenarkan **Kami** untuk mengumpul, menggunakan, dan memproses maklumat peribadi mereka mengikut Notis Privasi **Kami**.

24) Had kediaman: Polisi ini hanya menawarkan perlindungan kepada individu yang lazimnya bermastautin di Malaysia dan tidak sah bagi individu yang bukan merupakan pemastautin Malaysia. **Anda** mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, atau pemastautin yang mempunyai hak penuh untuk memasuki dan pulang ke Malaysia tanpa mengira status kesihatan. Segala pengaturan perjalanan praperjalanan **Anda** hendaklah dibuat dan dibayar di Malaysia, dan **Perjalanan Anda** hendaklah bermula dari Malaysia.

25) Cukai Perkhidmatan ("ST"): Jumlah premium yang perlu dibayar oleh Anda bagi polisi ini termasuk jumlah bagi ST yang perlu dibayar oleh **Anda**. ST merujuk kepada sebarang cukai perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, atau cukai, duti, caj atau sebarang pungutan yang serupa dengan nama apa pun, yang mungkin dari semasa ke semasa dikenakan atau dicaj (termasuk sebarang peningkatan atau pengurangan kadar) oleh mana-mana pihak berkuasa cukai yang berkenaan.

26) Kelayakan kesihatan untuk **Perjalanan**: Dari tarikh berkuat kuasa polisi ini sehingga tarikh mula **Perjalanan Anda**, **Anda** hendaklah berada dalam keadaan kesihatan yang membolehkan Anda melakukan perjalanan dan tidak sedar akan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan pembatalan, gangguan **Perjalanan**, atau sebarang tuntutan lain di bawah polisi ini, jika tidak, tiada tuntutan akan dibayar.

27) Syarat Bayaran Sebelum Perlindungan: Tidak kira apa-apa yang terkandung dalam polisi ini, tetapi tertakluk kepada sub-perenggan di bawah:
(a) **Anda** bersetuju dan mengisytiharkan bahawa jumlah premium yang perlu dibayar hendaklah dibayar oleh Anda dan diterima sepenuhnya oleh **Kami** (atau pihak perantara yang mengambil polisi ini) pada atau sebelum **Tarikh Berkuat Kuasa** perlindungan di bawah polisi ini; dan
(b) sekiranya jumlah premium yang perlu dibayar tidak dibayar atau tidak diterima sepenuhnya oleh **Kami** (atau pihak perantara yang mengambil polisi ini) pada atau sebelum **Tarikh Berkuat Kuasa**, maka polisi ini akan dianggap dibatalkan serta-merta dan tiada manfaat akan dibayar oleh **Kami** kerana perlindungan tidak pernah wujud di bawah polisi atau pembaharuan. Sebarang pembayaran yang diterima selepas itu tidak akan menjejaskan pembatalan polisi.

28) Klausa Imbangan: **Kami** tidak akan membayar sebarang tuntutan bagi sebarang kerugian, kejadian atau liabiliti sejauh mana ia

dilindungi oleh sumber lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada polisi insurans lain, skim perubatan atau kesihatan, Akta Parlimen atau sebarang manfaat yang melarang **Kami** membayar secara sah di sisi undang-undang. Namun, **Kami** akan membayar perbezaan antara jumlah yang dibayar oleh sumber lain dengan jumlah yang **Anda** berhak tuntut di bawah polisi ini sejauh dibenarkan oleh undang-undang. Klausa ini tidak terpakai untuk manfaat B-1: Kematian Akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya **Kekal**, dan A-3: Pendapatan Harian dalam Tempoh Kemasukan ke Hospital, dalam polisi ini.

29) Pembelian Insurans Perjalanan: **Anda** hendaklah membeli insurans ini sebelum berlepas dari Malaysia. Sekiranya insurans dibeli selepas **Anda** berlepas dari Malaysia, tiada perlindungan akan diberikan, walaupun polisi telah dikeluarkan. Dalam keadaan sedemikian, sebarang premium yang diterima bagi insurans tersebut akan dibayar balik.

30) Bahasa: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Maklumat Perhubungan Penting

Travel Guard (TG)
(tersedia 24 jam di seluruh dunia untuk panggilan kecemasan berkaitan dengan perjalanan):
603-3001 8800 atau hantar e-mel kepada Kami di MYTGassistance@travelguard.com
Pusat Khidmat Pelanggan Travel Guard
603-3001 8800 (dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja, tidak termasuk cuti umum) atau hantar e-mel kepada **Kami** di MYTGassistance@travelguard.com.

Sekiranya **Anda** memerlukan bantuan atau perlu menghubungi Kami mengenai polisi ini yang telah **Kami** keluarkan kepada **Anda**, sila nyatakan nombor polisi seperti yang tertera pada **jadual polisi** atau sijil insurans **Anda**. Selain itu, sila sediakan maklumat yang berkaitan bagi membantu operator telefon untuk menjawab pertanyaan atau permohonan bantuan **Anda**. Maklumat tersebut termasuk keadaan **Anda**, lokasi semasa, dan nombor untuk dihubungi.

Bantuan Kecemasan Travel Guard
Bantuan kecemasan 24 jam di seluruh dunia, termasuk bantuan praperjalanan dan bantuan kecemasan, disediakan oleh **Travel Guard**.

Sekiranya **Anda** memerlukan rawatan perubatan yang diperlukan untuk kemasukan ke hospital sebagai pesakit dalam, **Anda** hendaklah menghubungi **Travel Guard** dan mematuhi nasihat atau arahan mereka. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan tuntutan Anda di bawah polisi ini

Travel Guard mengendalikan rangkaian pusat khidmat yang menyediakan akses 24/7 bagi kemudahan perubatan dan perkhidmatan pengangkutanan kecemasan yang sesuai untuk **Anda**. Dengan memilih Zurich, **Anda** mempunyai akses langsung kepada perkhidmatan penting ini sebelum dan semasa **Perjalanan Anda**.

Bergantung kepada keperluan khusus **Anda**, **Kami** boleh:

1. Memberikan nasihat praperjalanan dan maklumat mengenai keadaan perubatan tempatan di destinasi **Anda**;
2. Menghubungkan **Anda** dengan kemudahan perubatan yang sesuai apabila rawatan diperlukan, memantau keadaan dan rawatan **Anda**, serta memaklumkan keadaan Anda kepada **ahli keluarga** dan rakan **Anda** di **Tanah Air**;
3. Menentukan sama ada dan bila pemindahan perubatan atau penghantaran balik diperlukan, serta menyelaras semua perkhidmatan yang berkaitan.

Kami akan berusaha untuk mendapatkan rawatan perubatan untuk **Anda** semasa perjalanan **Anda**, namun **Travel Guard** tidak dapat menjamin bahawa kemudahan perubatan yang sesuai sentiasa tersedia. **Travel Guard** hanya disediakan untuk menilai dan memantau keadaan **Anda** dan tidak dapat mengambil alih pengurusan rawatan perubatan **Anda**. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya tuntutan **Anda** tidak dilindungi di bawah polisi ini, pemberian bantuan kecemasan tidak dengan sendirinya merupakan pengakuan liabiliti terhadap **tuntutan Anda**.

Untuk menghubungi perkhidmatan bantuan **Travel Guard**, sila hubungi dari mana-mana sahaja di seluruh dunia di talian 603-3001 8800.

Cara Membuat Tuntutan

Bergantung kepada jenis tuntutan, bukti berikut mungkin diperlukan. Sila ambil perhatian bahawa **Kami** berhak untuk meminta bukti tambahan bagi menyokong tuntutan **Anda**, bergantung kepada keadaan, dan **Kami** akan menghubungi **Anda** jika perlu.

- bukti nilai dan pemilikan
- bukti perjalanan (invois pengesahan, tiket perjalanan)

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya **Anda** ingin membuat tuntutan bagi Perbelanjaan Perubatan di Malaysia di bawah A-2, rawatan dan perkhidmatan yang dilindungi hendaklah diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh **Anda** pulang ke Malaysia

Syarat-syarat yang Terpakai bagi Tuntutan

Pemeriksaan dan rekod perubatan
Kami berhak dan diberi peluang, atas perbelanjaan **Kami** sendiri, untuk menjalankan perkara berikut ke atas **Anda**:

(a) sebarang pemeriksaan perubatan;
(b) sesuatu bedah siasat, sekiranya berlaku kematian, tertakluk kepada apa yang dibenarkan di sisi undang-undang.

Anda bersetuju untuk memberikan kebenaran **Anda** kepada **Kami** untuk mendapatkan sebarang laporan atau rekod perubatan yang **Kami** perlukan daripada mana-mana pengamal perubatan.

Notis Tuntutan

Anda atau seseorang yang diberi kuasa sewajarnya bagi pihak **Anda** hendaklah menghubungi **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas **Anda** mengalami sebarang kerugian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan. Dokumen tuntutan hendaklah dikemukakan kepada pejabat **Kami** secepat yang munasabah, namun tidak lewat daripada sembilan puluh (90) hari dari tarikh insiden tersebut. Sekiranya pemegang polisi tidak dapat melengkapkan dokumen tuntutan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dengan alasan yang munasabah, dokumen berkenaan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada satu (1) tahun dari tarikh insiden.

Semua pemberitahuan yang berkaitan dengan tuntutan atau keadaan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada https://web.edge.zurich.com.my/login.

--------Dokumen Polisi Tamat-------

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, **Kami** bersedia memberikan perhatian. **Anda** boleh menghubungi **Kami** di:

Zurich General Insurans Malaysia Berhad
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 2109 6000
Faks: 03 2109 6888
Pusat Panggilan: 1 300 888 622
E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan akhir **Kami**, **Anda** boleh boleh menulis surat kepada kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi **Anda.**

Jika keputusan Ombudsman memihak kepada **Anda** berbanding **Kami**, **Anda** hendaklah memaklumkan Ombudsman sama ada **Anda** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika **Anda** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Ombudsman. **Anda** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap Kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 Laman web: www.fmos.org.my

Jika aduan **Anda** berada di luar bidang FMOS, **Anda** boleh menyatakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

BNMLINK (Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) E-mel: bnmlink@bnm.gov.my Laman web: bnmlink.bnm.gov.my